



Hujung Minggu

برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.41 | SUBUH 4.51 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.11 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.12 | ISYAK 7.21 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 118

1 OKTOBER 2022 / 1444 بيع الأول 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN
"SESUNGGUHNYA Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat," - Surah An-Nisa, ayat 58.



Titah perutusan tahniah Ulang Tahun Ke-73 Pengasasan Republik Rakyat China



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada

Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China sempena dengan Ulang Tahun Ke-73 Pengasasan Republik Rakyat China.

PERKARA BERKEPENTINGAN BERSAMA ANTARA YANG DIBINCANGKAN

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor.



Berita Utama



MEMACU perubahan untuk menjadi usahawan mandiri

Muka 5



PENANDATANGANAN Skim Biasiswa UTB's Scholar

Muka 13



INFO Teknologi

TELEFON pintar boleh lipat terkini

Muka 27



Gembang tenaga ke arah mengurangkan 'learning loss'

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 pada pagi ini. Di kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di Negara Brunei Darussalam.

Tema Hari Guru pada tahun ini berbunyi : 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Pada hemat beta, tema ini sangatlah relevan terutama sekali dengan keadaan global yang mengalami perubahan ketara, khusus akibat penularan COVID-19. Dunia telah mengharungi suasana amat mencabar dalam pengajaran dan pembelajaran yang belum pernah dialami sebelumnya. Semua ini memberikan impak signifikan kepada sistem pendidikan, termasuk kepada para guru di seluruh dunia.

Dalam hubungan ini, kita wajar bersyukur, kerana pendidikan di negara ini, masih dapat diteruskan, walaupun adanya kekangan dan rintangan. Semua ini mampu dilaksanakan dengan adanya para guru yang bersemangat kental. Beta sukacita mengucapkan terima kasih kepada mereka itu.

Brunei Darussalam, turut mengambil maklum bahawa World Bank telah menganggarkan hampir 1.6 billion kanak-kanak di seluruh dunia telah terkesan

dengan penutupan sekolah, semasa beberapa gelombang pandemik melanda dunia selama lebih dua tahun yang lalu. Pada gelombang pertama, purata kehilangan pembelajaran para pelajar adalah selama lebih setengah tahun bagi tempoh penutupan sekolah selama 15 minggu. Sekiranya tiada sebarang intervensi dilaksanakan, maka kehilangan pembelajaran sudah tentu boleh membawa kesan negatif jangka panjang terhadap produktiviti dan kesejahteraan para pelajar.

Beta berharap Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus menggembang tenaga ke arah mengurangkan *learning loss* atau kehilangan pembelajaran, dengan melaksanakan program pemulihan yang bersesuaian.

Beta juga berharap agar kedua-dua kementerian akan dapat meneliti kesan dan impak *educational inequality* ataupun ketidaksamaan pendidikan serta kaitannya dengan *learning loss* di kalangan kanak-kanak.

Beta yakin pengalaman semasa pandemik ini telah memaksa kita untuk melihat cara pengajaran norma baharu dan penggunaan teknologi. Secara tidak langsung, pengalaman ini juga membuka peluang inovasi dalam pendidikan, baik dari segi kurikulum, pedagogi pengajaran, teknologi pendidikan, penilaian, peperiksaan dan persekitaran sekolah.

Apabila sekolah kini telah dibuka sepenuhnya, maka kedapatan beberapa kaedah baru sebagai berkesan untuk diteruskan. Perlu diingat, adalah tidak mustahil krisis seumpama pandemik akan terjadi lagi dimasa akan datang. Oleh itu, mustahak bagi kita untuk sentiasa bersedia dengan membina sistem yang lebih berdaya tahan bagi menangani apa jua krisis yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertiba sempena Majlis Sambutan Hari Guru Ke-32, di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, pada Selasa, 27 September 2022.

melanda.

Bagi Kementerian Pendidikan adalah perlu fokus kepada menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua pelajar, dari peringkat awal pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Para guru pula perlu diberikan dorongan padu oleh pihak kementerian dengan memastikan *professional development* mereka terus diberikan perhatian.

Kesejahteraan para guru mesti diambil berat. Beta berharap dengan tertubuhnya Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan

Tenaga Pengajar di Kementerian Pendidikan pada tahun 2021, isu kesihatan di kalangan tenaga pengajar akan dapat diberikan perhatian sewajarnya, dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan.

Kepada para guru, beta menyeru supaya mereka sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, khususnya dalam bidang Teknologi Maklumat. Beta menganggap, para guru adalah pelopor budaya pembelajaran sepanjang hayat.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	5	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
2	AHAD	6	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	ISNIN	7	4.40	4.50	6.07	6.30	12.11	3.23	6.11	7.20
4	SELASA	8	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
5	RABU	9	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20
6	KHAMIS	10	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19
7	JUMAAT	11	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C	32 23 °C	30 23 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C	32 23 °C	30 23 °C
Pekan Tutong		
33 25 °C	32 23 °C	30 23 °C
Kuala Belait		
33 25 °C	32 23 °C	30 23 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

1 OKTOBER 2022

Tanai tugas diamanahkan dengan ikhlas

AGAMA Islam menyuruh umatnya bekerja mencari rezeki bagi memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari. Setiap rezeki yang diperoleh hendaklah daripada sumber yang halal dan baik serta diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan demikian, pekerjaan yang dilakukan hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap insan yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam mahupun mereka yang bekerja dengan pihak swasta ataupun persendirian hendaklah menanamkan sifat ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan agar apa yang dilakukan itu menghasilkan mutu kerja yang terbaik.

Sesungguhnya mereka yang ikhlas dalam melaksanakan tugasnya adalah insan yang bijaksana. Mereka ini bijak menggunakan masa dan waktu kerja secara produktif dan berkesan, tidak melengah-lengahkan kerja yang diberikan dan tidak akan melakukannya sambil lewa atau asal siap sahaja. Bahkan mereka juga tidak akan mengambil kesempatan membazirkan masa kerja dengan banyak berbual kosong, ponteng kerja, datang akhir tetapi cepat hendak pulang dan sebagainya.

Perlu diingat juga, setiap pekerjaan yang dilakukan itu juga merupakan suatu ibadat dengan syarat ia dilakukan dengan niat yang ikhlas, kerana kerja yang dilakukan tanpa keikhlasan hanyalah sia-sia dan tidak akan mendapat ganjaran pahala. Perkara ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis riwayat Imam An-Nasaie daripada Ummah Al-Bahili katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala sahaja".

Orang yang ikhlas dalam pekerjaannya tidak akan berkira dalam melaksanakan tugas dan tidak mengharapkan pujian atau ganjaran dunia semata-mata. Orang yang ikhlas juga akan bersikap terbuka, suka membantu rakan sekerja bahkan mereka akan bersifat jujur dan amanah dalam pekerjaan mereka. Sifat jujur dan amanah itu sangat penting kerana sifat tersebut akan dapat memelihara diri seseorang itu daripada berbuat kianat, pilih kasih, hasad dendki, zalim, melakukan rasuah, penipuan dan penyelewengan dalam pekerjaan, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan bagi kepentingan peribadi dan sebagainya.

Selain itu, keikhlasan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dapat melahirkan sifat mahmudah seperti bersifat sabar, tabah dan berbudi bahasa di mana melalui sifat-sifat tersebut mereka akan mempunyai daya ketahanan hati atau perasaan dalam menghadapi sebarang tekanan, desakan di sekeliling atau menerima sebarang kesulitan.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala suka kepada hamba-hamba-Nya yang tekun bekerja, titih dan lutanan serta sentiasa berusaha memperbaiki diri sendiri dari semasa ke semasa. Kerana amalan tersebut bukan sahaja mendatangkan kecermerlangan kepada dirinya sendiri bahkan dapat meningkatkan taraf dan kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi dan seterusnya dapat memajukan bangsa dan negara.

Akhirnya, semoga warga perkhidmatan awam menjadi pekerja yang ikhlas, kreatif dan produktif, tabah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan dedikasi, tabah menghadapi cabaran, serta dapat pula membawa masyarakat semua ke arah satu hidup yang terpuji dan diberkati. *Amin Ya Rabbalalamin*. - Ketua Penyuntingan (Rd)

Perkara berkepentingan bersama antara yang dibincangkan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Haji bin Haji Noor dan menerima pesambahan (kiri dan kanan).

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Darussalam dan Yang Amat Berhormat berbincang mengenai isu-isu dua hala yang menjadi kepentingan bersama di antara Negara

Brunei Darussalam dan Malaysia, termasuk meningkatkan kerjasama bagi memperkuatkannya lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara.

Menyertai Yang Amat Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut, Speaker

Dewan Undangan Negeri Sabah, Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah; Menteri Tugas-Tugas Khas, Jabatan


Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Arifin bin Mohd. Arif; dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Ini merupakan kali pertama Yang Amat Berhormat mengadakan kunjungan hormat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah Ke-16, pada 28 September 2020.

Hubungan rapat di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah lama terjalin, di mana kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama baik dalam Bidang-bidang Perdagangan dan Pelaburan, Pertahanan, Pendidikan, Pelancongan dan Kesalinghubungan serta Kesihatan.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Vong Pisen dan menerima pesambahan (atas kiri, atas dan bawah kiri).

■ Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama

Jeneral Vong Pisen, hari ini, yang mengadakan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam dari 28 hingga 30 September 2022.

Turut hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri

Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kemboja mempunyai hubungan diplomatik yang baik dan mesra yang telah dimeterai pada tahun 1992.

Pada tahun ini juga merupakan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara kedua-dua buah negara.

Perhubungan pertahanan dua hala telah berkembang dengan pelbagai penglibatan yang merangkumi lawatan, mesyuarat pertahanan dan ketenteraan, latihan dan kursus.

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA PELANTIKAN PERDANA MENTERI KERAJAAN ARAB SAUDI BAHARU

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi berikut dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi yang baru.

Dalam titah perutusan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap His Royal Highness akan mencapai kejayaan dalam menyandang tugas yang baharu ini dan ingin mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang bermanfaat antara kedua-dua buah negara dan rakyat sebagai rakan kongsi

serantau dan antarabangsa.

Pada mengakhiri perutusan berkenaan, baginda berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga His Royal Highness dan semua ahli kerabat diraja sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan kebahagiaan serta rakyat Arab Saudi akan sentiasa menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENGHANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA HIS ROYAL HIGHNESS PRINCE MOHAMMED BIN SALMAN BIN ABDULAZIZ AL-SAUD, PUTERA MAHKOTA DAN PERDANA MENTERI KERAJAAN ARAB SAUDI.



161 pelajar cemerlang Sekolah Rendah YSHHB diraikan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seramai 161 pelajar Tahun 6 bagi tahun 2021 diraikan dan antara yang menerima, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-Ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Turut berangkat, Yang Amat

Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada majlis berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Terdahulu dalam ucapan Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Hajah Mariam binti Haji Ladi menjelaskan bahawa keputusan PSR bagi tahun 2021 telah dapat dicapai dengan cemerlang dan para pelajar yang lulus memperoleh gred 'A' hingga



YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK PUTERI HAJAH MAJEEDAH NUURUL BOLKIAH BINTI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH SEKOLAH RENDAH YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH.

'D' dalam kelima-lima mata pelajaran ialah sebanyak 99.4 peratus.

Manakala terangnya lagi, pelajar yang memperoleh gred 'A' hingga 'C' adalah sebanyak 96.9 peratus sementara pelajar yang memperoleh gred 5 'A' dalam mata pelajaran sebanyak 51 peratus.

Keputusan berkenaan tambahnya, telah mencapai sasaran sekolah, iaitu sebanyak

50 peratus mencapai gred lima 'A'.

Seramai 18 orang guru ujarnya lagi, sebagai pengawas penilaian telah dilantik dan tiga orang guru ICT yang diketuai oleh ketua jabatan mengawas semua kumpulan dan memberikan bantuan segera jika ada masalah teknikal yang dihadapi setiap masa.

Beliau menambah, bahawa sepanjang 20 tahun menduduki PSR adalah merupakan kali keempat sasaran sekolah tercapai, iaitu pada tahun 2002 meningkat kepada 53 peratus sementara pada tahun 2008

meningkat kepada 55 peratus. Manakala pada tahun 2020 meningkat kepada 54.1 peratus dan tahun 2021 meningkat kepada 50.9 peratus.

Kualiti pencapaian pelajar katanya, yang mendapat gred 'A' hingga 'C' dan gred 'A' bagi lima mata pelajaran juga di tahap cemerlang.

Menurutnya lagi, keseluruhan prestasi PSR pelajar adalah pada tahap cemerlang. Pihak sekolah akan sentiasa menganalisa pencapaian berkenaan dan akan terus menerus mengatur pelbagai strategi pembaikan.



ANTARA yang hadir pada majlis konvokesyen tersebut.

262 kes sembah, tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 September. - Sebanyak 262 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 225,682.

Menurut Infografik Status Harian

Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, hari ini, sebanyak satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan

rapi.

Sementara itu, tidak ada kes dicatatkan berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 85.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.5 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun

menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.5 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

MEMACU PERUBAHAN UNTUK MENJADI USAHAWAN MANDIRI

Majlis Pe-



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama merasmikan Eksopo Souq Al-Qudwah 3.0, yang berlangsung hingga Ahad, 2 Oktober 2022 (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat dan isteri semasa meneliti salah sebuah produk yang dijual, pada Eksopo Souq Al-Qudwah 3.0, di One City Shopping Mall.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SALAMBIGAR, Khamis, 29 September. - Sebanyak 40 petak jualan dan pameran bagi mengetengahkan produk hasil usahawan golongan asnaf penerima zakat dan golongan yang tertentu disediakan untuk kunjungan orang ramai pada Eksopo Souq Al-Qudwah 3.0 yang berlangsung di One City Shopping Mall, Sungai Hanching hingga Ahad, 2 Oktober 2022 nanti.

Eksopo Souq Al-Qudwah antara lain bertujuan untuk mewujudkan pasar berkoncepsyen *muslimpreneurs* yang boleh menjadi pemacu dan contoh tauladan kepada umat Islam khususnya dalam mempertingkatkan dan memperkembangkan syiar Islam serta menyediakan ruang niaga

bagi usahawan-usahawan agar mereka dapat menceburi minat dan keupayaan dalam bidang keusahawanan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian eksopo tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri.

Majlis diselanjurkan dengan Penyerahan Sumbangan Buku 'Bimbangan Asas Fardu Ain' daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sejurus selepas perasmian.

Terdahulu, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluan selaku

Pengerusi Majlis mengongsikan, eksopo bertemakan 'Memperkasa Dan Menjadikan Muslimpreneurs Sebagai Tauladan Ke Arahan Kejayaan' tersebut diungkayahkan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan rakan-rakan strategik daripada BIBD, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Yaysasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Qalam Academy.

Eksopo tersebut, tambahnya, diharap akan menjadi platform untuk membanggakan kepada masyarakat umum tentang produk dan perkhidmatan yang diusahakan oleh usahawan asnaf penerima dan golongan yang tertentu bagi membolehkan dan meningkatkan lagi kebolehpasaran produk dan perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti tinggi.

Selain itu, menerapkan cara-cara

berniaga dalam Islam dengan menitikberatkan konsep *mindset change* dalam kalangan golongan penerima zakat dan penerima bantuan kepada mereka yang mengeluarkan zakat dan seterusnya dapat melahirkan *muslimpreneurs* yang berjaya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapannya pula mengongsikan, peningkatan usahawan-usahawan *muslimpreneurs* menandakan adanya *demand* atau permintaan pelanggan kepada barang dan khidmat yang ditawarkan oleh pengusaha-pengusaha tersebut.

Penglibatan mereka dalam program-program keusahawanan yang dianjurkan bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan BIBD menerusi Program Konsortium Mualafpreneurs, Program Transformasi Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Program BIBD SEED dan Projek TUNAS semakin ketara meningkat.

"Pada tahun 2019, sebanyak 20 perniagaan yang mempunyai keramaian 60 ahli telah ditubuhkan melalui Program Konsortium Mualafpreneurs," tambahnya.

Eksopo tersebut diharap akan dapat membantu mengubah pola berfikir, imej serta keyakinan kalangan usahawan terutamanya asnaf yang kurang berkemampuan dan mereka yang menerima bantuan kebajikan bulanan agar terus memacu perubahan untuk menjadi usahawan mandiri yang berjaya sekali gus dapat mengeluarkan diri mereka dari kepompong kemiskinan kepada kehidupan yang lebih baik di masa hadapan.

Selain jualan, juga terdapat pelbagai peraduan menarik untuk para pengunjung seperti Peraduan Menulis Jawi, Membaca Jawi, Membaca Sayyidul Istighfar, Menghafaz Surah-surah Lazim, Menulis Seni Khat, dan dimeriahkan dengan Persembahan Tausyeh oleh Belia-Belia da'e dan Belia-belia As-Syahadah daripada Program Keugamaan Belia; dan Tazkirah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta acara Malam Puisi Islam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Pelancaran Stesen Pengecasan Pantas Runcit pertama negara



MAJLIS Pelancaran Stesen Pengecasan Pantas Runcit disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Info-komunikasi; dan Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga (kiri dan kanan).

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 September. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah berkata, penubuhan kenderaan elektrik (Electric Vehicle-EV) Joint Taskforce pada tahun lalu membuktikan komitmen kerajaan untuk lebih memahami keperluan EV.

Demikian ucapan Yang Berhormat semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Stesen Pengecasan Pantas Runcit pertama di negara ini

bertempat di Stesen Minyak IBA, Lambak, di sini.

Perasmian stesen pengecasan berkenaan telah disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Info-komunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Timbalan Menteri di Jabatan Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji

Matsatejo bin Sokiaw.

Syarikat Brunei Shell Marketing (BSM) Sendirian Berhad melancarkan Stesen Pengecasan Pantas Runcit dengan menampilkan pengecasan pantas Shell Recharge 175 kilowatt sejam (KWH) yang biasanya boleh mengecas EV daripada 0 hingga 80 peratus dalam masa lebih kurang daripada 30 minit.

Bagi menyokong aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi matlamat tindakan iklim negara untuk mempunyai penyelesaian tenaga yang lebih bersih bagi pengangkutan tenaga secara mampar menjelang tahun 2035, BSM komited untuk terus bekerjasama rapat dengan pihak

berkuasa yang berkaitan untuk mengenal pasti keperluan bagi memenuhi pertumbuhan pemilikan kenderaan elektrik negara.

"BSM merancang untuk mengambil pendekatan pragmatik dalam mengembangkan Shell Recharge di seluruh negara sambil kami terus bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dan pemain industri yang berkaitan untuk mengenal pasti keperluan bagi memenuhi pertumbuhan pemilikan EV," kata Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Marketing (BSM) Sendirian Berhad, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil dalam ucapan alu-aluannya.

Pada masa ini, akses kepada Shell Recharge di stesen runcit boleh diperolehi melalui pengedar kereta yang mengambil bahagian.

Dengan Shell Recharge, BSM menawarkan pelbagai penyelesaian pengecasan kepada pemandu EV dengan cara mudah untuk mengecas kereta mereka di tapak runcit dan destinasi semasa dalam perjalanan serta di rumah.

Ini adalah tambahan kepada rangkaian bahan api berkualiti yang akan terus ditawarkan oleh BSM kepada para pemandu di negara ini di seluruh negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah perwakilan dari Persatuan Peniaga Automobil Brunei (BATA).

...Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29...

Daerah Brunei dan Muara



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 dan antara yang hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 Tahun, di Masjid Ash-Shaliheen, Daerah Brunei dan Muara (kanan dan atas).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29 tahun ini diimarahkan dengan Majlis

Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas diadakan secara serentak di masjid-masjid tumpuan di seluruh



negara.

Tumpuan di Daerah Brunei dan Muara pada kali ini ialah Masjid Ash-Shaliheen yang turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji

Mohd. Yussof, yang juga selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-29.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan seterusnya diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas

sempena Hari Perkhidmatan Awam yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Md. Izzat Izzudin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Daerah Temburong



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), di Jabatan Perdana Menteri dan antara yang hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 Tahun, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong (atas dan bawah).



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TEMBURONG, Khamis, 29 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29 Tahun, Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan HPA Kali Ke-29 bagi tahun ini diadakan secara serentak, di masjid-masjid utama, di keempat-empat daerah seluruh negara.

Sehubungan itu, tumpuan bagi Daerah Temburong ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan

Daerah Tutong



YANG Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan antara yang hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 Tahun, di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 29 September. - Bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-29, Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas telah diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di seluruh

di akhir dengan bacaan Doa Khas sempena HPA, dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Haji Shafriyah bin Haji Ahmad. Pada tahun ini, tumpuan masjid

daerah, hari ini.

Bagi Daerah Tutong, Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, di sini, menjadi masjid tumpuan bagi majlis tersebut.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan

bagi Daerah Brunei dan Muara adalah di Masjid Ash-Shaliheen, manakala tumpuan masjid bagi Daerah Belait dan Daerah Tutong pula, masing-masing di Masjid Kampung Pandan; dan Masjid

Doa Khas bersempena dengan HPA.

Hadir menyertai majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Pengiran Anak Haji Mohammed Alam. Juga hadir, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan serta Pegawai dan Kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan.

TANGANI PENYAKIT KARDIOVASKULAR, KURANGKAN BEBAN GLOBAL

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung dan strok ialah penyebab utama kematian di seluruh dunia. Dianggarkan sebanyak 17.9 juta kematian setiap tahun, iaitu 31 peratus daripada kematian di seluruh dunia adalah disebabkan oleh penyakit kardiovaskular.

Perkara tersebut, dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2022.

Menurut Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam (NBD), penyakit kardiovaskular telah mengambil alih kanser sebagai penyebab kematian keseluruhan dan kematian pramatang tertinggi dan menyumbang kepada lebih daripada 25 peratus punca kematian pada tahun 2021.

Perkara ini, jelas Yang Berhormat, mungkin lazim diketahui ramai namun apa yang membimbangkan ialah penyakit kardiovaskular dalam kalangan golongan yang lebih muda.

"Pada tahun 2021, penyakit kardiovaskular menyebabkan lebih kurang 25 peratus daripada kematian pramatang (kematian sebelum umur 70 tahun) di negara ini, yang mana telah meningkat dari 20 peratus pada tahun 2013," Jelas Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat berkata, sebanyak 1,263 prosedur Angiogram, 832 prosedur Percutaneous Coronary Intervention (PCI), 112 prosedur

Electrophysiology (EP) dan 88 prosedur pembedahan Coronary Artery Bypass Graft (CABG) telah dijalankan pada tahun 2021 di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat seterusnya menambah, trend bagi prosedur Angiogram dan PCI masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 15.4 peratus dan 40.3 peratus berbanding pada tahun 2016.

"Faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada penyakit kardiovaskular termasuklah faktor-faktor risiko tingkah laku (*behavioural risk factors*) yang boleh dicegah seperti penggunaan tembakau, amalan makanan tidak sihat, seperti pengambilan lemak dan garam yang berlebihan dan gaya hidup yang tidak aktif.

"Manakala faktor-faktor risiko yang berkaitan seperti obesiti, tekanan darah tinggi, tahap kolesterol tinggi dan diabetes juga dapat dicegah atau dirawat, jika dikesan awal," tambah Yang Berhormat.

Pada tahun 2012, jelas Yang Berhormat, pemimpin-pemimpin dunia telah menyatakan komitmen untuk mengurangkan kematian global disebabkan penyakit tidak berjangkit sebanyak 25 peratus menjelang tahun 2025.

Justeru, Yang Berhormat menjelaskan Hari Jantung Sedunia yang diraikan pada setiap 29 September merupakan landasan yang bermanfaat untuk menyatukan komuniti di seluruh dunia dalam menangani penyakit tidak berjangkit, khususnya penyakit kardiovaskular dan mengurangkan beban penyakit

global.

Hari Jantung Sedunia juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kardiovaskular, tindakan-tindakan utama untuk mencegah dan mengawal penyakit kardiovaskular serta impaknya secara global.

"Sambutan Hari Jantung Sedunia pada tahun ini membawakan tema 'Use Heart for Every Heart' (Gunakan Jantung untuk Setiap Jantung) dan menekankan tiga mesej utama, pertama, 'Use heart for humanity' (Gunakan jantung untuk kemanusiaan) iaitu kita perlu sama-sama meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penyakit kardiovaskular dan langkah-langkah utama bagi pencegahannya.

"Seterusnya, kita juga perlu mengalakkan orang ramai terutamanya ahli keluarga sendiri untuk menjalani pemeriksaan atau saringan kesihatan serta menggesa mereka untuk mendapatkan rawatan awal bagi mengawal penyakit dan mencegah komplikasi penyakit kardiovaskular.

"Kedua, 'Use heart for nature' (Gunakan jantung untuk alam semula jadi). Tahuakah abiskita bahawa pencemaran udara mengakibatkan 25 peratus daripada semua kematian penyakit kardiovaskular? iaitu Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk menjadi lebih aktif berbasikal atau berjalan kaki dan mengurangkan penggunaan kereta, di mana bersesuaian, untuk sama-sama menyumbang ke arah udara yang bersih dan sekali gus membantu meningkatkan kesihatan jantung.

"Dalam masa yang sama, kita

perlu ingat bahawa asap rokok juga menyumbang kepada pencemaran udara di sekeliling kita. Oleh itu, para perokok adalah sangat-sangat digalakkan untuk berhenti merokok dan mengelakkan orang di sekeliling daripada terdedah kepada asap rokok.

"Ketiga, 'Use heart for you' (Gunakan jantung untuk diri sendiri). Tekanan stres boleh menggandakan risiko serangan jantung.

"Justeru, orang ramai adalah dinasahkan untuk melakukan senaman secara konsisten, bertafakur atau bermeditasi, mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang, mendapatkan rehat yang cukup dan tidur yang berkualiti untuk mengurangkan tekanan stres dan risiko serangan jantung," terang Yang Berhormat.

Dalam meneruskan usaha-usaha bagi menggalakkan amalan gaya hidup yang cergas dan meningkatkan tahap kegiatan fizikal dalam kalangan masyarakat, Yang Berhormat menjelaskan Kementerian Kesihatan telah melancarkan inisiatif 'BN on the Move' pada bulan Ogos yang lalu.

Melakukan senaman secara kerap seperti berjalan kaki setiap hari katanya, dapat membantu meningkatkan kesihatan jantung, mendapatkan kualiti tidur dan kesihatan mental yang baik, sekali gus mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung.

"InsyaAllah, penglibatan orang ramai secara individu atau secara berkumpulan untuk lebih aktif setiap hari akan membantu seluruh penduduk kita untuk mencapai kesihatan jantung yang lebih baik," ujar Yang Berhormat Menteri



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Perutusan sempena Sambutan Hari Jantung Sedunia 2022.

Kesihatan lagi.

"Oleh yang demikian, sempena Hari Jantung Sedunia pada tahun ini, bersama-sama mengambil kesempatan untuk memainkan peranan dalam menyumbang kepada perubahan positif dalam kehidupan kita dan orang sekeliling kita terutamanya ahli keluarga yang tersayang ke arah pilihan dan tingkah laku yang lebih sihat.

"Sertailah aktiviti-aktiviti dan manfaatkanlah perkhidmatan yang mendorong kepada penjagaan kesihatan jantung yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dan sektor kesihatan lain.

"InsyaAllah, dengan perubahan-perubahan yang diambil bersama ini nanti, risiko dan beban penyakit kardiovaskular dan penyakit-penyakit tidak berjangkit yang lain akan dapat dikurangkan, kualiti kehidupan kita semua dapat dipertingkatkan dan kualiti kehidupan generasi akan datang juga terjamin," tambah Yang Berhormat lagi.

...Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29...

Daerah Belait



YANG Mulia Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Khas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-29 Tahun, di Masjid Kampung Pandan, Daerah Belait (atas dan atas kanan).

BELAIT, Khamis, 29 September. - Sambutan Hari Perkhidmatan Awam memasuki kali ke-29 pada tahun ini, sehubungan itu, Majlis

utama seluruh negara.

Sebagaimana dengan majlis di daerah yang lain, Daerah Belait juga tidak ketinggalan mengadakan majlis tersebut, di mana Masjid Kampung Pandan menjadi tumpuan majlis berkenaan.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi majlis tersebut, di sini, Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Majlis tersebut dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan seterusnya diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas sempena sambutan tersebut.

Dalam menghargai sumbangan warga Perkhidmatan Awam, Hari Perkhidmatan Awam disambut setiap tahun di negara ini. Perkhidmatan Awam merupakan sebuah institusi penting yang berperanan sebagai jentera penggerak bagi setiap program pembangunan, dasar dan peraturan kerajaan bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta negara.

Justeru, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan yang dapat menjana kemajuan



**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

Perkhidmatan Awam yang boleh meningkatkan kemajuan prestasi kerja bagi kakitangan yang bertanggungjawab dalam sesuatu pekerjaan yang diamanahkan.

Perkhidmatan Awam terus berkembang dalam mananai kemajuan mengikut peredaran zaman dan merupakan pencapaian perkhidmatan yang

dapat memajukan pentadbiran dan pengurusan yang terjalin di antara pihak kerajaan dan juga orang ramai.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

BRUNEI - CHINA TERUS KUKUHKAN KERJASAMA DUA HALA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Khamis, 29 September. - Dalam menghadapi persekitaran pembangunan yang kompleks dan mencabar di dalam dan luar negara, Republik Rakyat China kekal komited pada prinsip umum bagi membina kemajuan serta mengekalkan prestasi yang stabil.

China akan terus bertindak terhadap wabak COVID-19 dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial dengan cara yang baik.

Oleh itu, China melindungi kehidupan dan kesihatan rakyatnya serta memastikan pembangunan ekonomi dan sosial secara keseluruhan. Purata jangka hayat di China meningkat ke 78.2 tahun, pada tahun 2021, berbanding 77.3 tahun, pada tahun 2019.

Asas ekonomi China yang dicirikan dengan daya tahan yang kukuh, berpotensi besar, mempunyai ruang yang luas untuk pelarasaran dasar dan kemampuan bagi jangka panjang akan terus kekal kukuh. Ini akan meningkatkan lagi kestabilan dan pemulihian ekonomi dunia serta menyediakan lebih banyak peluang pasaran untuk negara lain.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong semasa menyampaikan ucapannya, pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-73 Penubuhan Republik Rakyat China, yang berlangsung kelmarin, di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Puan Yang Terutama seterusnya menjelaskan, bahawa China sebagai Ahli Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan negara membangun yang paling terbesar di dunia adalah

sangat komited untuk meningkatkan perpaduan serta kerjasama dengan negara lain dan akan terus mengikut aliran masa serta mengejar kepentingan bersama sebahagian besar negara di luar sana.

"China telah menjadi pembina keamanan dunia, penyumbang kepada pembangunan global, pembela ketenteraman antarabangsa, penyedia barang awam dan pengantara bagi isu panas," ujar Puan Yang Terutama lagi.

PYT kemudiannya menjelaskan, Negara Brunei Darussalam secara aktif menyokong Inisiatif Pembangunan Global (GDI) China dan menyertai Kumpulan Rakan GDI untuk mempromosikan pelaksanaan Agenda 2030.

"Pada 20 September yang lalu, Menteri Luar China, Wang Yi telah mempengerusikan Mesyuarat Peringkat Menteri Kumpulan Rakan GDI di New York, seterusnya mengumumkan tujuh langkah tambahan, berdasarkan 32 langkah pragmatik yang diterajui oleh China, yang diterima dan diguna pakai.

"Mesyuarat itu mengukuhkan lagi konsensus antarabangsa mengenai GDI. Tahun lepas apabila Brunei mengambil alih pengurusan penggiliran ASEAN, Presiden China, Xi Jinping dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama mempengerusikan Sidang Kemuncak Khas Memperingati Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog China - ASEAN dan bersama-sama mengumumkan penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif China - ASEAN.

"Pada November tahun ini, Negara-negara ASEAN akan berturut-turut mengadakan Mesyuarat Pemimpin mengenai Kerjasama Asia Timur, Sidang Kemuncak G20 dan Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC, yang membawa pada 'Detik Asia' bagi urus tadbir global.

"China akan terus menjunjung tinggi panji multilateralisme, berganding bahu bersama semua negara yang cintakan keamanan dan yang mencari pembangunan untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama bersama-sama menghadapi cabaran," terang PYT lagi.

Dalam proses pembangunan bersama serta tindak balas bersama terhadap cabaran, China dan Brunei sentiasa menghormati di antara satu sama lain serta sentiasa mengukuhkan kerjasama dengan hubungan dua hala dan mengekalkan momentum pembangunan yang mantap, tambah Puan Yang Terutama lagi.

Pada 2021, PYT mengongsikan, bahawa jumlah dagangan di antara China dan Brunei ialah sebanyak USD\$2.85 bilion, yang merupakan 200 kali ganda lebih besar, berbanding daripada tahun 1991 apabila hubungan diplomatik mula diwujudkan.

PYT seterusnya menjelaskan, dalam lapan bulan pertama tahun ini sahaja, jumlah perdagangan dua hala mencapai sebanyak USD2 bilion, meningkat sebanyak 11 peratus dari tahun ke tahun. Tahun depan menandakan Ulang Tahun Ke-10 Inisiatif Belt and Road (BRI), di mana ia membawa hasil yang sangat memberangsangkan.

Kerjasama di Hengyi dan Pelabuhan Muara, bukan sahaja menggalakkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan China - Brunei, ia juga menggalakkan kerjasama perdagangan antara Brunei dan negara-negara lain, jelas Puan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tetamu kehormat dan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-73 Penubuhan Republik Rakyat China.

Yang Terutama lagi.

"Sejak tahun 2019, Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam menganjurkan Pertandingan Melukis bagi Pelajar Sekolah Rendah Brunei selama empat tahun berturut-turut. China terus menyediakan peluang latihan kepada Brunei. Pada tahun ini sahaja, China telah menyediakan seminar dalam talian, merangkumi topik teknologi dan pengurusan pengubahsuai cuaca, program perhutanan serta pencegahan dan rawatan batuk kering kepada 36 peserta dari Brunei, termasuk 12 wanita.

"Hengyi Industries usaha sama Sino-Brunei, melalui program 'Hengyi Future' mewujudkan biasiswa dan program kerjasama bersama universiti serta institusi China dan Brunei, yang memberi manfaat kepada ratusan pelajar Brunei, antaranya lebih 100 orang menyertai Hengyi Industries selepas menamatkan pengajian mereka.

"Jurulatih cina yang merupakan

Jurulatih bagi Pasukan Wushu Kebangsaan Brunei telah membantu mempromosikan pembangunan Wushu di Brunei selama 15 tahun. Dengan usaha mereka, Atlet Wushu Brunei mencapai kecemerlangan dalam pertandingan antarabangsa," tambah PYT.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan bagi kedua-dua negara, diikuti dengan Majlis Pelancaran Foto Album Memorial, dinamakan '30 Tahun Persahabatan' bagi Memperingati Perjalanan Hubungan China - Brunei.

Seterusnya, acara diteruskan dengan upacara memotong kek dan sesi bergambar rama serta diakhiri dengan Persembahan Pasukan Wushu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

memastikan institusi keluarga yang kukuh.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut menyampaikan penghargaan terhadap sokongan AS, terutamanya dalam inisiatif-inisiatif ke arah pemerkasaan perekonomian wanita, seperti melalui pelaksanaan program latihan di bawah Academy for Women Entrepreneurs (A.W.E) dengan kerjasama Darussalam Enterprise (DARe), pada Jun tahun ini.

Program latihan tersebut bertujuan untuk memberikan usahawan wanita pengetahuan, rangkaian kerja dan akses yang diperlukan untuk membangun perusahaan yang berjaya.

Di samping itu, usahawan wanita di negara ini juga diberikan akses ke beberapa program keusahawanan, seperti Industry Business Academy (IBA), di mana hampir 60 peratus daripada 9,200 Peserta Program Latihan IBA ini adalah wanita.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya mengongsikan, bahawa selain meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa, pada 8 Mac setiap tahun, NBD juga amat komited ke arah memperjuangkan isu wanita, di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sebagai Pengurus ASEAN Committee on Women (ACW), pada tahun 2020, NBD menerajui

beberapa inisiatif, antaranya ASEAN Gender Outlook Study yang dijalankan dengan kerjasama UN Women serta ASEAN Gender Mainstreaming Framework yang dilaksanakan dengan kerjasama ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC).

Semasa menjadi Pengurus ASEAN pada tahun 2021, penyediaan ASEAN Master Plan on Women's Development yang diterajui oleh NBD bersama Singapura dan Viet Nam, dimasukkan sebagai salah satu deliverable, di bawah ASEAN SocioCultural Community (ASCC), bertujuan untuk mewujudkan rangka kerja yang lebih padu dan komprehensif yang menggalakkan kesaksamaan serta pemerkasaan keseluruhan wanita dan gadis, di rantau ini.

Dialog di peringkat menteri ini diakhiri dengan memperakurkan Kenyataan Bersama ASEAN - AS mengenai kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita.

Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, dan Pegawai-pegawai Kanan dari KKBS.

Bagi persediaan dialog peringkat menteri ini, the ASEAN - U.S. Senior Officials Meeting on Gender Equality and Women's Empowerment berlangsung secara maya, pada 29 Julai 2022.

Bekerjasama promosikan kesaksamaan jantina, pemerkasaan wanita



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Women (AMMW) dan Administrator of the United States Agency for International Development (USAID), Puan Yang Terutama Samantha Power.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal wanita dari Negara-negara Anggota ASEAN serta beberapa perwakilan dari Amerika Syarikat (AS).

Ke arah mempromosikan dialog yang membina dan sinergi serantau berorientasikan ke arah mewujudkan persekitaran yang memperkasakan wanita, mesyuarat hari ini memperkuatkannya lagi kerjasama ASEAN bersama AS, dalam mempromosikan kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita, terutamanya dalam bidang pemerkasaan ekonomi wanita; wanita, keamanan dan keselamatan; pengarusutamaan jantina (*gender mainstreaming*), dan pencegahan; serta tindak balas terhadap keganasan berasaskan jantina.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan, bahawa wanita di Negara Brunei Darussalam (NBD) memainkan peranan yang penting, dalam pembangunan negara dan menyumbang secara terbuka serta sama rata kepada masyarakat

dan diberi peluang yang sama, dalam faedah sosial serta ekonomi.

Yang Berhormat turut mengongsikan beberapa inisiatif NBD dalam mempromosikan pemerkasaan wanita dan kesaksamaan jantina, iaitu Pelan Tindakan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) mengenal pasti beberapa objektif strategik untuk membangunkan potensi optimum wanita melalui kesaksamaan jantina, pembinaan kapasiti dan pembangunan diri dalam lapan bidang keutamaan, termasuk promosi dan perlindungan hak, penjagaan kesihatan, pemerkasaan ekonomi, pekerjaan serta keseimbangan kerja dan kehidupan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memulakan Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di NBD, bermula April 2022 dan dijangka siap, pada Mac 2023.

Dapatkan daripada penyelidikan ini akan diguna pakai untuk mereview dan mengukuhkan lagi Pelan Tindakan Wanita.

Penyelidikan ini juga diharap akan dapat mengenal pasti isu-isu strategik berkaitan dengan wanita di negara ini, seperti menyokong mata pencarian ekonomi dan menggalakkan keseimbangan *work-life balance* ke arah

PENANDATANGANAN PROGRAM BIASISWA BERSAMA, PENYAMPAIAN SUMBANGAN



PARA pelajar yang menandatangani biasiswa, di bawah Program Biasiswa Bersama di antara Hengyi Industries dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) - Universiti Zhejiang (ZJU); serta di antara Hengyi Industries dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) - Lanzhou Petrochemical University of Vocational Technology (LPUVT) pada sesi bergambar ramai bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

JERUDONG, Khamis, 29 September. - Seramai 108 pelajar menandatangani biasiswa, di bawah Program Biasiswa Bersama di antara Hengyi Industries dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) - Universiti Zhejiang (ZJU); serta di antara Hengyi Industries dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) - Lanzhou Petrochemical

University of Vocational Technology (LPUVT), di Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa

dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah and Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Timbalan CEO) Hengyi Industries, Mr. Xu Ye.

Majlis penandatanganan menyaksikan seramai 34 pelajar

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dari UBD dan 74 pelajar dari IBTE menandatangani program biasiswa, dengan disaksikan oleh tetamu kehormat dan Timbalan CEO Hengyi Industries.

Sehingga kini, 161 pelajar dianugerahkan di bawah Program Biasiswa bersama UBD-ZJU; dan 145 pelajar di bawah Program Biasiswa bersama IBTE-LPUVT.

Pada masa ini, 127 pelajar berjaya menamatkan pengajian mereka dan kini menjadi sebahagian daripada Jurutera dan Pengendali berkemahiran tinggi, di Hengyi Industries.

Ditubuhkan pada tahun 2014, Program Biasiswa Bersama UBD-ZJU adalah kursus ijazah empat tahun, dalam Kejuruteraan Kimia dan Proses, di mana pelajar akan menghabiskan dua tahun pengajian akademik di UBD, diikuti dengan satu tahun setengah pengajian di ZJU dan latihan amali selama enam bulan, di Hengyi Industries.

Pelajar di bawah Program Biasiswa Bersama IBTE dan LPUVT, yang ditubuhkan pada 2018 pula, akan menjalani program tiga tahun di Operator Penapisan (Refinery Operator), di mana mereka akan menghabiskan setahun pengajian, di IBTE Kampus Jefri Bolkiah, setahun pengajian, di LPUVT dan setahun lagi *on-the-job-training* bersama Hengyi Industries.

Selepas tamat pengajian, para pelajar akan ditawarkan peluang pekerjaan di Hengyi Industries.

Majlis turut diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan berjumlah BND50,000 daripada

Hengyi Industries Sdn. Bhd. kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bagi menyokong pembangunan sekolah untuk kanak-kanak berkeperluan khas pertama, di negara ini.

Sumbangan diserahkan oleh Timbalan CEO Hengyi Industries kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Sumbangan BND 50,000 itu akan disalurkan ke pembangunan Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, sekolah pertama untuk kanak-kanak berkeperluan khas di negara ini, yang akan menampung dan menyediakan kira-kira 200 individu berkeperluan khas, berumur di antara 5 hingga 15 tahun dengan pendidikan berkualiti dan aktiviti kokurikulum yang menekankan kepada mentakrifkan semula erti kejayaan.

Biasiswa dan derma tersebut adalah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hengyi Industries, di bawah Inisiatif Hengyi Future-Ready dan Inisiatif Hengyi Cares, dengan matlamat untuk memupuk generasi belia Brunei akan datang dengan menawarkan biasiswa yang dibiayai sepenuhnya pada bakat tempatan yang menunjukkan pencapaian akademik yang luar biasa dengan minat untuk bekerja dalam industri petrokimia serta menyediakan pendidikan yang boleh diakses oleh individu berkeperluan khas, di negara ini.

Laungan dikir terus bergema di Daerah Temburong

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Jumaat, 30 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di Masjid Kampung

Labu Estate, di sini. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara diteruskan dengan bacaan Dikir Assalamualaika dan diakhiri dengan Dikir Syarafil Anam dan

Dikir Marhaban selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Tenaga), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Hadir sama, Setiausaha Tetap

(Urustadbir Perkhidmatan Awam); Pemangku Pegawai Daerah Temburong; Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai dan Kaitangan JPM.

Majlis seumpama ini merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan yang dikendalikan oleh JPM sempena Sambutan Maulidur

Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini.

Majlis Dikir Syarafil Anam bagi JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya akan diteruskan lagi di Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Daerah Tutong, pada 4 Oktober 2022.

Perhimpunan Malam Munajat Khas 1 Oktober

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan mengadakan Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas pada Sabtu, 6 Rabiulawal 1444 Hijrah bersamaan 1 Oktober 2022 Masihi bermula jam 5.15 petang, bertempat di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis anjuran KHEU ini adalah bersempena genap setahun Pengajuran Program Malam Munajat sejak ia pertama kali diadakan pada 12 Safar 1443 Hijrah bersamaan dengan 18 September 2021 Masihi secara maya.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghadiri Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, dalam sama-sama menyemarakkan majlis dan mengimarahkan masjid untuk bertaqarrub kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bermunajat.

Orang ramai juga boleh mengikuti Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas secara maya dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.

Bagi para jemputan dan orang ramai yang akan hadir nanti adalah dinasihatkan untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) iaitu melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) pada hari yang sama sebelum menghadiri majlis serta memuat naik keputusan ART ke aplikasi BruHealth atau menggambarkan keputusan ART menggunakan telefon bimbit masing-masing dengan menulis tarikh dan jam. Hanya individu yang mendapat keputusan ART negatif sahaja yang dibenarkan masuk.

Individu yang mempunyai simptom-simptom seperti demam, panas badan, batuk selesma, masalah pernafasan dan sebagainya adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri majlis. Digalakkan untuk memakai sungup muka dan disarankan untuk membawa sejадah sendiri yang berukuran besar.



HASRAT NEGARA

Gambleng tenaga ke arah mengurangkan 'learning loss'

>> Muka 2

Beta mengambil maklum bahawa beberapa inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memacu transformasi pendidikan di negara ini. Antara inisiatif tersebut ialah, penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi sekolah-sekolah, pembekalan alat peranti dan data internet kepada semua para guru dan pelajar yang memerlukan. Semua ini adalah bertujuan untuk mendukung pembelajaran

menggunakan teknologi, selaras dengan Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan.

Di peringkat pendidikan teknikal dan pengajaran tinggi, kita alhamdulillah telah pun mendapat pengiktirafan dan ranking peringkat dunia, yang ditafsir sebagai hasil pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kita yang berkualiti. Beta berharap usaha akan terus dibuat untuk melahirkan rakyat yang *future-proof*. Sebagai *way forward*, sudah tiba masanya untuk Kementerian Pendidikan

merangka dasar dan pelan strategik bagi tujuan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru, dan kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi bagi seluruh warga guru.

Sekian, *Wabillah Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

GURU PEMANGKIN TRANSFORMASI PENDIDIKAN BERKUALITI



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat majlis pada Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022, di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

penting.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menjelaskan perkara demikian semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat majlis pada Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022, di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Yang Berhormat memuji usaha para pendidik yang terus menyampaikan pendidikan berkualiti walaupun menghadapi cabaran COVID-19.

"Inovatif mereka dalam mereka bentuk sumber digital sejarah kurikulum dan modaliti penilaian,

menggambarkan kreativiti para pendidik dan yang lebih penting, komitmen mereka bagi memastikan para penuntut belajar.

"Secara tidak langsung, guru dan sekolah kita telah mula melakukan transformasi pendidikan," jelas Yang Berhormat.

Kini, tambah Yang Berhormat, jelas sekali kita boleh mengatasi cabaran berkenaan apabila bangkit daripada pandemik berkenaan.

"Perubahan ekonomi dan alam sekitar yang kita lihat berlaku di seluruh dunia pada hari ini, berpotensi dan sudah menjejaskan banyak aspek landskap pendidikan kita.

"Terdapat keimbangan serius bahawa perubahan ini akan menjadikan pendidikan.

"Oleh itu, kita perlu meneruskan momentum transformasi pendidikan ini bagi memastikan sekolah, guru dan penuntut kita bersedia untuk sebarang kemungkinan," jelas Yang Berhormat lagi.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

Kita tambah Yang Berhormat, perlu menjadi berdaya tahan dan terus komited untuk masa depan penuntut kita, masa depan belia kita.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kedua-dua transformasi dan inovasi perlu seiring dan jelas di setiap peringkat.

"Walaupun sekolah lebih menekankan pengajaran dan pembelajaran gabungan (*blended*) dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian antara lain telah membangunkan dan berjaya mentadbir Student Learning Survey (SLS).

"Penilaian piawai kebangsaan ini direka bagi menyokong guru dan sekolah dalam pengukuran kecekapan penuntut, dan ia memainkan peranan penting dalam membangunkan strategi berdasarkan data," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri

Pendidikan melahirkan harapan agar para pendidik akan merebut peluang bagi mendapatkan pandangan dan pengetahuan baharu dalam strategi penilaian dan pedagogi inovatif melalui persidangan berkenaan.

"Saya percaya bahawa Persidangan Hari Guru ini akan memberikan inspirasi kepada para pendidik, ahli akademik dan penyelidik yang hadir di sini untuk berani dan terus berinovasi apabila mengharungi kerumitan. Akhirnya, ini adalah langkah positif ke arah pemerkasaan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap agar para pendidik dan peserta persidangan akan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada persidangan ini, untuk terus berkongsi amalan terbaik profesional bagi pendekatan dan pedagogi yang inovatif.

TUNGKU LINK, Rabu, 28 September. - Guru merupakan pemangkin dalam mentransformasikan pendidikan dan tunjang utama dalam pendidikan berkualiti.

Oleh yang demikian, pelaburan berterusan Kementerian Pendidikan bagi latihan guru dan pembangunan profesional adalah

Membina kedayatahanan dalam sistem pendidikan

- **PLATFORM** bagi para guru untuk berkongsi dan membincangkan mengenai pemikiran terbaru dan kaedah terbaik bagi meningkatkan prestasi para guru dan pelajar serta kualiti pendidikan.
- **MENINGKATKAN** pengetahuan mereka dalam empat tema utama, iaitu membawa inovasi ke dalam kurikulum; aplikasi pedagogi inovatif; penilaian inovatif; dan profesionalisme guru

TUNGKU LINK, Rabu, 28 September. - Seramai 500 guru dan pendidik menyertai Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022, iaitu platform perhimpunan bagi para ahli akademik dan para penyelidik untuk berkongsi dan membincangkan penemuan penyelidikan serta pelbagai amalan terbaik mereka dalam semua aspek bagi membina kedayatahanan dalam sistem pendidikan.

Persidangan yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) itu membawa tema 'Membentuk Ekosistem Pendidikan Yang Berdaya Tahan'.

Para peserta terdiri daripada guru dan pendidik dari sekolah rendah, sekolah menengah dan Pusat-pusat Tingkatan Enam di sektor kerajaan juga swasta di bawah Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan institusi-institusi pendidikan tinggi.

Perasmian persidangan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

Persidangan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik, dengan kerjasama Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE), UBD dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Dekan SHBIE, UBD, Profesor Madya Dr. Noor Azam bin Haji Othman selaku Pengerusi Bersama Majlis berkata, persidangan berkenaan menyediakan platform bagi para guru untuk berkongsi dan membincangkan mengenai pemikiran terbaru dan kaedah terbaik bagi meningkatkan prestasi para guru dan pelajar serta kualiti pendidikan.

"Di akhir persidangan, para peserta akan meningkatkan pengetahuan mereka dalam empat tema utama, iaitu membawa inovasi ke dalam kurikulum; aplikasi pedagogi inovatif; penilaian inovatif; dan profesionalisme guru," kata Profesor Madya Dr. Noor Azam semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



ANTARA yang menyertai Persidangan Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-32, Tahun 2022.

Antara pengisian persidangan sebelah pagi adalah pembentangan ucaptama bertajuk 'Mengapa Penilaian Formatif Perlu Menjadi Keutamaan bagi Setiap Guru dan Setiap Sekolah' yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dylan Wiliam, iaitu seorang pakar pendidikan yang terkemuka dalam bidang Formative Assessment atau Penilaian Formatif.

Dalam ucaptama berkenaan, beliau antara lain membantu para guru membangunkan pemahaman keseluruhan mengenai penilaian formatif.

Beliau menerangkan, apa yang penting bagi pelajar adalah pembelajaran di dalam bilik kelas, manakala interaksi berkualiti antara guru dan pelajar adalah perkara paling penting.

Sementara pada sesi sebelah petang pula, beliau turut memudahkan cara sebuah bengkel bertajuk 'Strategi-strategi dan Teknik Penilaian Formatif' bersama para peserta persidangan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; Naib-naib Canselor; Rektor; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan serta institusi-institusi pengajian tinggi.

Persidangan Hari Guru Tahun 2022 akan diteruskan lagi esok dengan sebuah sesi plenari bertajuk 'Kesihatan Mental Guru Dari Perspektif Islam' yang akan disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Seterusnya adalah pembentangan sebanyak 21 kertas mengikut sub-tema persidangan pada tahun ini oleh seramai 20 pembentang, terdiri daripada pegawai Kementerian Pendidikan dan para tenaga pengajar dari sekolah-sekolah dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan, selain Pensyarah institusi-institusi pengajian tinggi.



PROFESOR Emeritus Dylan Wiliam, seorang pakar pendidikan terkemuka dalam bidang Formative Assessment atau Penilaian Formatif pada pembentangan ucaptama beliau, bertajuk 'Mengapa Penilaian Formatif Perlu Menjadi Keutamaan bagi Setiap Guru dan Setiap Sekolah' dan Dekan SHBIE, UBD, Profesor Madya Dr. Noor Azam bin Haji Othman selaku Pengerusi Bersama Majlis ketika berucap (kiri dan kanan).

كمترنن كصيختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SOALAN-SOALAN LAZIM PENGGUNAAN OKSIMETER NADI



<https://bit.ly/3vmv5Eg>



PERJANJIAN PENGURUSAN OPERASI PELABUHAN SELATAN TELUK BRUNEI DIMETERAI



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

JERUDONG, Khamis, 29 September. - Pemeteraian perjanjian di antara Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam - MPABD) dan Amaro Services Sendirian Berhad merupakan satu signifikan penting bagi komuniti perkapalan dan mengukuhkan kerjasama ke arah peningkatan operasi dan perkhidmatan marin.

MPABD dan Amaro Services Sdn. Bhd. akan bekerjasama rapat dalam pengurusan dan operasi Pelabuhan Selatan Teluk Brunei yang akan bermula pada Jun tahun hadapan nanti.

Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Pengurusan dan Operasi Pelabuhan Selatan Teluk Brunei (The Management and Operation of Brunei Bay Southern Anchorage)

sempena Hari Maritim Sedunia 2022 yang berlangsung di Indera Kayangan, The Empire Brunei hari ini disaksikan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha yang juga selaku Pengaruh Lembaga Pengaruh MPABD.

Penandatanganan bagi pihak MPABD diwakili oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin, manakala bagi pihak Pengaruh Amaro Services Sdn. Bhd. pula ialah Awang Ariffin bin Haji Masrah.

Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin dalam alu-aluannya antara lain berkata bahawa kerjasama tersebut akan

menjadikan sebahagian kecil perairan rantau negara sebagai kawasan pelabuhan untuk armada luar pesisir kosong, yang membolehkan pemilik kapal meletakkan untuk tempoh yang lebih lama dengan gabungan ciri geografi dan iklim yang luar biasa, Teluk Brunei dianggap sebagai salah satu kawasan berlabuh terbaik, dengan rekod keselamatan dan reputasi yang sangat baik.

Menurutnya, dengan promosi yang mantap, kemudahan pelabuhan tersebut akan terkenal di rantau ini dan percaya ia bukan sahaja akan menarik minat pemain serantau sekali gus akan mewujudkan peluang perniagaan yang saling melengkapi.

Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin juga menyatakan bahawa, hari ini merupakan Hari Maritim Sedunia dan sebagai Negara Anggota Pertubuhan Maritim Antarabangsa



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi Lembaga Pengaruh Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam - MPABD) pada Majlis Penandatanganan Perjanjian bagi Pengurusan dan Operasi Pelabuhan Selatan Teluk Brunei (The Management and Operation of Brunei Bay Southern Anchorage) sempena Hari Maritim Sedunia 2022 di antara MPABD, yang diwakili oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew @ Martin dan Amaro Services Sendirian Berhad, diwakili oleh Awang Ariffin bin Haji Masrah (kiri dan atas).

(IMO), Negara Brunei Darussalam akan memperingati hari ini dengan menerangi bangunan berwarna biru dan warna hijau.

"Inisiatif ini yang telah dirasmikan pada tahun lalu adalah untuk melambangkan perpaduan masyarakat maritim dan meningkatkan kesedaran tentang sumbangan penting penghantaran ke dunia dan warna tahun ini melambangkan tema 'New Technologies for Greener Shipping' bagi menyerlahkan peranan teknologi baharu bagi menyokong peralihan hijau sektor maritim kepada masa hadapan yang mampar," katanya.

Justeru, atas menjunjung perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Jambatan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha (RIPAHS) juga akan diterangi dengan warna berkenaan pada hari ini.

Kerjasama seumpama ini diharap akan terus berkembang ke arah memartabatkan industri maritim secara menyeluruh serta terus maju dan tidak ketinggalan dalam memenuhi kewajipan kita sebagai negara Anggota IMO, untuk memastikan bahawa rangka kerja pengawalseliaan perkapalan menyokong sistem yang selamat, terjamin, cekap, industri yang mampar dan berdaya tahan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengaruh MPABD; Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Lembaga Pengaruh MPABD, pegawai kanan dan warga kerja MPABD.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Masjid Kampung Pengkalan Batu.

PENGKALAN BATU, Jumaat, 30 September. - Seramai 270 orang, terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Pegawai-pegawai Kerajaan, Persatuan dan Pergerakan Belia, Belia-belia Masjid serta penduduk sekitar Kampung Pengkalan Batu awal pagi tadi menyertai Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Masjid Kampung Pengkalan Batu, di sini.

Hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan

Beri pendedahan kepada belia dengan aktiviti bermanfaat

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Hamzah Mohidin

Md. Adhwa Firdaus bin Yusra. Bagi menutup majlis, program kemudiannya diakhiri dengan Sembahyang Sunat Doha secara bersendirian.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap (Kesukunan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; serta Pegawai-pegawai Kanan dari KKBS.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid, yang diadakan sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17, Tahun 2022 berkenaan adalah anjuran KKBS dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU dan Belia-belia Masjid.

Program tersebut dihasrat agar

dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat, terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

TAZKIRAH Subuh disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Md. Yussof bin Haji Abdul Majid.



ANTARA yang menyertai program berkenaan.

KOMITED KUKUHKAN HUBUNGAN PERTAHANAN, KETENTERAAN



KEMENTERIAN Pertahanan menerima lawatan rasmi daripada Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Vong Pisen, yang mengadakan Lawatan ke Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama ketika memeriksa Kawalan Kehormatan, yang terdiri daripada Anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) (atas dan bawah kanan), sementara gambar kanan, TYT berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Pertahanan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Khamis, 29 September. - Kementerian Pertahanan menerima lawatan rasmi daripada Ketua Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tuan Yang Terutama Jeneral Vong Pisen, yang mengadakan Lawatan ke Negara Brunei Darussalam dari 28 hingga 30 September 2022.

Sejurus tiba di Bolkiah Garison, Tuan Yang Terutama Jeneral Vong Pisen disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, diikuti dengan memeriksa Kawalan Kehormatan, yang terdiri daripada Anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Pada sebelah petang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadakan Tuan Yang Terutama Jeneral Vong Pisen, yang mengadakan Lawatan ke Negara Brunei Darussalam dari 28 hingga 30 September 2022.

Terdahulu, TYT berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir; dan Pemerintah ABDB.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua belah pihak mengulangi komitmen bersama untuk terus memperkuatkan hubungan pertahanan dan ketenteraan dua hala, dalam menyumbang pada keamanan serta kestabilan serantau.

Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kemboja mempunyai hubungan diplomatik yang baik



serta mesra, yang dimeterai pada tahun 1992.

Tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan

Hubungan Diplomatik di antara kedua buah negara.

Perhubungan pertahanan dua hala berkembang dengan

pelbagai penglibatan, merangkumi lawatan, mesyuarat pertahanan dan ketenteraan, latihan serta kursus.

Rombongan KHEU teruskan Dikir Maulud



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan antara yang menyertai Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Kampung Penanjong berkenaan (atas dan kanan).

TUTONG, Rabu, 28 September. - Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, selain

memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan Islam.

Di samping itu, menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ia juga untuk memohon

ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

Antara ganjaran yang akan diperolehi oleh orang yang sentiasa berselawat ialah sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa mengucapkan selawat kepada ku, Allah Subhanahu Wata'ala berselawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali.

Sehubungan itu, bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut yang telah bermula pada 1 Rabiulawal 1444

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Hijrah.

Dalam kesempatan ini, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Majlis seumpama ini diadakan sebagai salah satu syiar Islam

untuk memakmurkan masjid, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

Dikir 12 Malam berturut-turut bagi rombongan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong pada Isnin, 3 Oktober 2022 bermula selepas menuai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.





PENDAFTAR dan Setiausaha Universiti Teknologi Brunei (UTB), Lim Chui Hua ketika berucap.

TUNGKU LINK, Khamis, 29 September. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Penandatanganan Skim Biasiswa UTB's Scholar bagi seorang penerima anugerah skim berkenaan,



Persediaan Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-12



PENGARAH Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman semasa Sidang Media.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu , 28 September. - Majlis Konvoesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Ke-12 akan berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas pada Sabtu, 1 Oktober nanti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

PENANDATANGANAN SKIM BIASISWA UTB'S SCHOLAR



PENOLONG Naib Canselor (Akademik) UTB, Dr. Dayang Hajah Ena Kartina binti Haji Abdul Rahman menandatangani bagi pihak UTB dan disaksikan oleh Pendaftar dan Setiausaha UTB, Lim Chui Hua serta disaksikan oleh Naib Canselor UTB.

yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D), di United Kingdom.

Majlis berlangsung di Bangunan The Pearl Fasa 2, UTB.

Penerima, Dayang Rohadatul' Aisy Nabilah binti Irwan menandatangani perjanjian skim tersebut bersama ayah beliau, Awang Irwan bin Haji Lois sebagai saksi.

Manakala, Penolong Naib Canselor (Akademik) UTB, Dr. Dayang Hajah Ena Kartina binti Haji Abdul Rahman menandatangani bagi pihak UTB dan disaksikan oleh Pendaftar dan Setiausaha UTB, Lim Chui Hua.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UTB, Datin Paduka

NAIB Canselor UTB menyerahkan Skim Biasiswa UTB's Scholar kepada Dayang Rohadatul' Aisy Nabilah binti Irwan, yang akan menjalani pengajian di peringkat Ph.D, dalam bidang Inovasi dan Keusahawanan, di Loughborough University, United Kingdom.

Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Utama dan Kakitangan UTB serta para jemputan.

Terdahulu, Lim Chui Hua dalam ucapan alu-aluananya, antara lain berkata, Skim Biasiswa UTB's Scholar dianugerahkan kepada para pelajar yang memperoleh kecemerlangan akademik, menunjukkan tingkah laku dan personaliti yang baik serta potensi sebagai pemimpin; memiliki semangat untuk melakukan perubahan dan mampu komited untuk berkhidmat sebagai pemimpin masa hadapan.

Dayang Rohadatul' Aisy Nabilah merupakan penerima Skim Biasiswa UTB's Scholar yang pertama di negara ini untuk

diberikan kepada graduan Institusi Pengajian Tinggi atas kecemerlangannya dalam bidang

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

ilmiah, pencapaian dan sumbangan semasa menjalani pengajian di UTB.

Beliau lulus dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) dalam Pengurusan Teknologi dan menerima Anugerah Canselor.

Beliau akan menjalani pengajian di peringkat Ph.D, dalam bidang Inovasi dan Keusahawanan, di Loughborough University, United Kingdom selama tiga tahun, bermula 7 Oktober ini.


Selepas menamatkan pengajian dan menerima Ijazah Ph.D, beliau akan diambil bekerja sebagai Pensyarah di Sekolah Perdagangan, UTB.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترن كسيخت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PARA wakil media kerajaan dan swasta yang hadir pada Sidang Media tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor KUPU SB dijangka akan berangkat ke Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-12 dan seterusnya berkenan menganugerahkan ijazah serta diploma kepada para graduan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman semasa Sidang Media di Bilik Taqwa KUPU SB, hari ini.

Menurut Pengiran Siti Katijah, seramai 243 bakal graduan akan

menerima sijil dan diploma dalam program bidang masing-masing termasuk dua bakal graduan akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama Pendidikan Islam.

Pengiran Siti Katijah juga menjelaskan bahawa beberapa acara sampingan bersempena Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-12 turut diadakan, iaitu Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil, yang diadakan pada Rabu, 28 September 2022, di Kubah Makam Diraja dan rombongan diketuai oleh Pemangku Timbalan Rales KUPU SB Dr. Haji Abang

Hadzmin bin Haji Abang Taha serta dihadiri oleh pegawai-pegawai utama KUPU SB, pensyarah dan bakal graduan lelaki.

Selain itu, bagi meraikan lagi kejayaan para bakal graduan, Majlis Kesukuran Graduan sempena Majlis Konvoesyen KUPU SB Ke-12 akan diadakan pada Ahad, 2 Oktober 2022.

Majlis akan diisi dengan Majlis Khatam Al-Quran, penandatanganan Memorandum Persefahaman KUPU SB bersama dengan beberapa universiti luar, penyampaian anugerah cemerlang akademik dan penyampaian wakaf daripada mahasiswa dan mahasiswa

KUPU SB.

Bagi memastikan majlis yang akan diadakan berjalan dengan lancar dan sempurna, beberapa langkah persediaan telah diatur dan dilaksanakan iaitu dari aspek persediaan bakal graduan dan aspek keselamatan selain dua sesi raptai diadakan sebagai persediaan bakal graduan nanti.


Seterusnya, dari aspek keselamatan, iaitu berkaitan dengan Standard of Procedure (SOP), para jemputan yang akan hadir termasuk ibu bapa dan bakal graduan adalah diminta untuk membuat Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu dan mendaftarkan keputusan ART berkenaan ke dalam aplikasi BruHealth.

Selain itu, jika ada mana-mana jemputan termasuk para graduan dan semua yang terlibat berasa kurang sihat pada hari berlangsungnya Majlis Konvoesyen nanti, adalah untuk tidak hadir ke majlis berkenaan.

Sebarang maklumat lanjut atau pertanyaan, bolehlah menghubungi Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB menerusi talian +673 8637197 atau layari laman sesawang www.kupu-sb.edu.bn.

Bagi mengikuti program dan aktiviti terkini KUPU SB, boleh melayari Instagram rasmi KUPU SB, iaitu [kupusb_official](https://www.instagram.com/kupusb_official).

Jujur, amanah dan bijaksana dalam pekerjaan



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutuskan kepada kita penghulu dan penutup sekalian Nabi dan Rasul iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk membawa rahmat dan kesejahteraan untuk seluruh alam. Baginda juga diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengajar dan mencontohkan kepada kita umatnya akhlak-akhlak yang mulia. Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan semulia-mulia akhlak". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Justeru, sebagai umat Islam, akhlak mulia dan terpuji yang ada pada diri Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Siddiq (benar). Amanah, Tabligh (menyampaikan) dan Fatnah (bijaksana) itu hendaklah dijadikan

sebagai suluh dan teladan agar kita berjaya dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat.

Menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah amat penting dalam membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara.

Sehubungan dengan itu, akhlak yang baik dan mulia itu hendaklah diterapkan di dalam kehidupan kita sehari-hari terutamanya individu yang menjalankan tugas ataupun tanggungjawab dalam sebuah pentadbiran organisasi tidak kira sama ada seseorang itu bekerja di sektor awam maupun bekerja di swasta.

Sesungguhnya pentadbiran memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sebuah negara. Bagi menghasilkan pentadbiran yang berkualiti dan cemerlang maka etika kerja memainkan peranan penting. Ini kerana tanpa adanya etika kerja sudah tentu sumber tenaga manusia yang menjalankan tugas dalam pentadbiran sebuah organisasi akan bertindak menurut perasaan dan hawa nafsu tanpa diikat oleh peraturan, undang-undang dan etika kerja.

Perlu diketahui, bahawa etika adalah prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan, persatuan, pekerjaan dan lain-lain.

Untuk mencapai matlamat kerja cemerlang seperti yang dikehendaki dalam agama Islam, maka kita hendaklah menghayati etika dan garis pandu cara bekerja dalam Islam, adapun antara sifat ataupun etika kerja yang patut ada dalam diri individu itu ialah :

Pertama : Jujur

Jujur ialah lurus, tulus dan ikhlas dalam perkataan dan perbuatan. Sesungguhnya kejujuran dan kebenaran adalah kualiti yang mesti dipupuk dan diamalkan oleh pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam ataupun dalam sektor swasta.

Kedua : Amanah

Amanah ialah sesuatu yang dipercayakan kepada orang atau kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang.

Sesungguhnya amanah merupakan

satu tanggungjawab yang amat besar dan sangat berat untuk dilaksanakan dan ia bukanlah satu perkara yang mudah dan boleh diambil ringan. Justeru, sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat untuk memegang satu jawatan dalam kerajaan hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan, jangan sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati.

Perihal amanah ini ada dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet pada 4 Julai 2022 di Istana Nurul Iman, antara titah baginda :

"Jawatan yang disandang adalah semata-mata amanah, di mana amanah adalah merupakan perjanjian suci kita dengan Allah. Jika amanah itu, tidak atau salah ditunaikan maka bererti kita telah melanggar perjanjian tersebut.

"Di antara amanah bagi pemegang pemegang jawatan ialah melaksanakan tanggungjawab dengan tulus dan adil, bersikap baik sangka terhadap semua anak bawahan serta mengelakkan amalan pilih kasih termasuk tidak sekali-kali bersikap suka mencari-cari kelemahan atau kesalahan orang-orang di bawah tangan kita kemudian menghukumnya dengan tindakan-tindakan melulu yang menyakit". Demikian baginda bertitah.

Ketiga : Bijaksana

Bijaksana ialah berakal, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik. Sesungguhnya dalam menjalankan tugas sebagai warga Perkhidmatan Awam, kita dituntut bijak dalam menjalankan tugas harian, iaitu :

Pertama : Bijak dalam membuat keputusan

Kebijaksanaan dalam membuat keputusan agar keputusan yang dibuat itu tepat, adil, memberikan kesan yang baik dalam jangka masa yang pendek dan panjang, memberikan keuntungan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Oleh yang demikian, apabila membuat sesuatu keputusan kita hendaklah bersifat amanah, jujur dan ikhlas. Selagi di dalam jiwa kita ditanamkan dengan sifat-sifat ini sudah

tentu kita tidak akan melakukan kezaliman dengan membuat keputusan yang menurut perasaan dan hawa nafsu.

Kedua : Bijak dalam perbelanjaan

Dalam sesebuah organisasi, kebijaksanaan dalam merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan itu sangat mustahak. Setiap perbelanjaan yang dirancang itu hendaklah dibuat dengan teliti, teratur dan berbelanja mengikut keperluan ataupun keutamaan agar tidak berlakunya sebarang pembaziran.

Ketiga : Bijak dalam penggunaan masa

iaitu menggunakan dan memanfaatkan waktu bekerja dengan sebaik-baiknya secara produktif serta berkesan dan tidak berlengah-lengah atau sambil lewa dalam membuat sebarang tugas dan pekerjaan.

Alhamdulillah, pada setiap tahun negara kita Brunei Darussalam meraikan Hari Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam merupakan tonggak utama dalam menggerak-aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita semua sama ada yang bekerja dengan Perkhidmatan Awam ataupun yang bekerja dengan pihak swasta agar sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, amanah dan bijaksana. Mudah-mudahan segala pekerjaan yang kita lakukan itu mendapat ganjaran pahala, berkat dan rahmat yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah-amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia (hendaklah) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". (Surah An-Nisa, ayat 58)

KUPU SB adakan Majlis Tahlil

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu , 28 September. - Rombongan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja bersempena dengan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12

yang akan berlangsung pada Sabtu, 1 Oktober bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan

Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar. Turut hadir, para pegawai utama, pensyarah, kakitangan dan bakal graduan lelaki KUPU SB.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin. Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Tenaga Akademik Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Awang Haji Md. Noor bin Haji Ibrahim.

Pada tahun ini, seramai 243 bakal graduan dalam program Ijazah Doktor Falsafah, program Sarjana Perguruan Ugama, Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, Diploma Tinggi Perguruan Ugama dan Diploma akan diraikan dalam Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12 nanti.

Untitled -TextEdit

File Edit View Help

Jujur, Amanah dan Bijaksana dalam Pekerjaan

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 4 Rabiulawal 1444H/ 30 September 2022M



- Jujur
- Amanah
- Bijaksana dalam:

Membuat keputusan

Perbelanjaan

Penggunaan masa

System message



HARI PERKHIDMATAN AWAM



Diraikan pada setiap tahun

Perkhidmatan Awam: tonggak utama dalam menggerak aktifkan sumber tenaga manusia dan penyumbang kepada program pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035

Ok

Cancel

دعا ممohen كـهـد الله سـقـايـي قـرـسـلاـمة

درـقـد بـلـاء دـاـن سـكـل جـنـيس فـيـاـكـيـت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ 『3 كالي』.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَنْسَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءُ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَمَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنِي نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِيَعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ 『3 كالي』.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَتَهُ وَلَا نُوْمًّا لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْقَضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدَنِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ (تَولُقَ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung Jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

IFB gesa perkukuh landskap ICT negara



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi mewakili Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Makan Amal dan Rangkaian InfoCom Federation Brunei (IFB) 2022.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Ketika Negara Brunei Darussalam memasuki Fasa Pasca-Pandemik berikutan dengan gangguan yang disebabkan oleh COVID-19, InfoCom Federation Brunei (IFB) mengingatkan anggotanya tentang tanggungjawab persekutuan tersebut, dalam mengukuhkan landskap ICT Brunei terhadap cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya.

Berucap pada Majlis Makan Malam Amal dan Rangkaian IFB 2022 baru-baru ini, Presiden IFB, Awang Haji Mohd. Radziman bin Haji Abdul Rahman mengingatkan komuniti ICT Brunei, bahawa wabak ini menunjukkan kepada kita, bahawa dalam komuniti ICT, kita mempunyai tanggungjawab

untuk membina masa depan yang lebih berdaya tahan.

Menurutnya, tidak dapat dinafikan bahawa COVID-19 adalah titik perubahan dalam pembangunan sebagai sebuah negara.

"Namun sebagai peneraju dalam pendigitalan, kita mesti terus mencari cara untuk memperkuuh ekosistem ICT kita sebagai persediaan untuk satu lagi gangguan yang mengubah kehidupan," ujarnya.

Mengimbas kembali cabaran sejak dua tahun lalu yang disebabkan oleh COVID-19, Awang Haji Mohd. Radziman turut menekankan dedikasi komuniti ICT yang meminimumkan impak harian akibat wabak tersebut.

Dalam ucapannya, beliau turut memuji komuniti ICT atas kerja mereka selama ini, sekali gus menyifatkan mereka sebagai *unsung heroes*.

Sebagai barisan hadapan semasa pandemik, terangnya, komuniti ICT juga secara aktif memastikan, bahawa sokongan yang diperlukan tersedia untuk Rakyat Brunei ketika negara beralih dalam talian.

Pada masa inilah, katanya, peningkatan inovasi berlaku yang memerlukan sambungan internet dan alat untuk mengakses perkhidmatan penting, seperti pendidikan, pekerjaan, kewangan serta mengekalkan interaksi sosial yang menghasilkan penggunaan teknologi yang lebih luas di negara ini, seperti transaksi tanpa tunai, pengimbasan kod QR dan persekolahan dan kerja dalam talian.

Selain daripada mengendalikan barisan hadapan ICT, Pengurus IFB, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latif dalam ucapannya juga menekankan, bahawa Ahli IFB bermurah hati dalam menyokong usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk inklusiviti digital, dengan menderma komputer riba, perkasaan serta data kepada pelajar yang kurang berkemampuan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

"Tahun 2022 setakat ini, telah menyaksikan beberapa acara dan aktiviti penting berkaitan ICT anjuran bersama IFB.
"Ini, termasuk Minggu Digital bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Majlis Anugerah

ICT Brunei (BICTA) serta perhimpunan Alumni BICTA kedua, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa," ujarnya.

Tambahnya lagi, dalam beberapa bulan akan datang, IFB juga akan menganjurkan acara komuniti dan penglibatan lain, bertujuan untuk memberi manfaat kepada Ahli IFB serta Rakyat Brunei amnya.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, bagi mewakili Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Majlis Makan Malam Amal, yang diadakan di Serambi Buluh, Tarindak D'Seni itu, turut menyaksikan Penyampaian Sumbangan kepada dua Organisasi Bukan Kerajaan, iaitu YAYASAN Kanser Kanak-Kanak Brunei (YASKA); serta Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dengan masing-masing menerima sumbangan berjumlah BND3,000.

Antara yang hadir, termasuk 10 syarikat pemula teknologi yang diberi peluang untuk berhubung bersama Ahli IFB dengan objektif untuk menyediakan peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan.

Turut hadir, ahli kanan komuniti ICT dan bukan ICT Brunei, terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengarah Urusan.

Sehingga kini, IFB mempunyai 41 ahli, yang terdiri daripada mereka dalam telekomunikasi, produk dan perkhidmatan ICT serta bidang berkaitan teknologi lain.

Persekutuan itu juga merupakan Ahli Majlis Ekonomi Digital dan Majlis Pekerjaan Tenaga Manusia serta kementerian berkaitan.

Maklumat lanjut mengenai IFB boleh didapati di www.ifb.org.bn atau layari @ifb_bn, di Instagram.

HARAP SYAFAAT BAGINDA, KEBERKATAN ALLAH



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada Majlis Pembukaan Berdirikir 12 Malam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.

Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi.

Sejurus itu, diikuti dengan laungan dikir beramai-ramai, dimulakan dengan dikir Assalamualaika, dipimpin oleh Mahasiswa Tahun 2 dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Afif Qawiem bin Ibrahim.

Selesai Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis disambung dengan Dikir Asyrafah dan Doa.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pegawai-pegawai Utama, Tenaga Akademik, Pegawai-pegawai dan kakitangan serta mahasiswa UNISSA.

Majlis berdirikir diadakan selama 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan merupakan salah satu acara kebesaran Islam, di samping mengharapkan syafaat Baginda serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Takmir Surau MPP, semalam mengadakan Majlis Pembukaan Berdirikir 12 Malam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah /

2022 Masihi.

Majlis tersebut bertujuan bagi memperingati hari kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang diadakan selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, di Surau Al-Syafi'i, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Mahasiswa Tahun 2, Fakulti Usuluddin (Tahfiz & Qiraat),

PMB SUNTIK SEMANGAT, INSPIRASIKAN ANGGOTA MASYARAKAT



ROMBONGAN mengadakan lawatan ke Syarikat Seri Paring, di Kampung Pengkalan Sibabau, Jalan Kota Batu, yang dimiliki oleh Awang Haji Baharuddin bin Haji Bahar (atas dan bawah).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diungkapkan oleh Jabatan Penerangan adalah untuk menyuntik semangat dan menginspirasikan anggota masyarakat bagi mempertingkatkan taraf hidup

mereka melalui aktiviti keusahawanan.

Selain memberi pengetahuan dan maklumat akan bagaimana untuk meningkatkan taraf hidup dengan membina ekonomi dalam Bidang Keusahawanan melalui taklimat-taklimat daripada agensi-agensi tertentu, di samping

perkongsian maklumat bersama pengusaha yang berjaya.

Ia juga diharapkan dapat mewujudkan masyarakat kampung bermaklumat dan berilmu, dalam sama-sama menanai hasrat kerajaan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, rombongan seramai 23 peserta dari Persatuan Pertwi Daerah Temburong mengikuti PMB, yang diteruskan lagi pada hari ini dengan lawatan ke beberapa buah tempat yang diaturkan.

Rombongan yang diketuai oleh Dayang Hajah Halimah binti Haji Abu Salam selaku Pengurus persatuan tersebut berserta para peserta program mula-mula mengadakan lawatan ke Syarikat Seri Paring, di Kampung Pengkalan Sibabau, Jalan Kota Batu, yang dimiliki oleh Awang Haji Baharuddin bin Haji Bahar.

Syarikat yang diusahakan bermula pada 22 September 1992 itu, kini menternak lima jenis ikan, iaitu ikan putih, ikan merah, ikan kerapu, ikan tilapia merah dan ikan selongsong.

Rombongan kemudian melawat ke Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan, di mana galeri tersebut dirasmikan pada 10 April 2021 oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud.


Ia merupakan sebagai nilai tambah pada platform penyebaran maklumat yang sedia ada sejajar dengan objektif asal penubuhan Jabatan Penerangan, pada 1 April 1952 untuk menyalurkan maklumat dasar dan aktiviti kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat, sama ada di bandar atau pedalaman, dalam usahanya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat.

Pada sebelah petangnya pula, para peserta berkesempatan mengunjungi Ladang Nenas yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung Tungku Katok, bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, Mukim Gadong 'A'.

Antara jenis nenas yang ditanam di ladang tersebut adalah seperti Nenas Paun, Nenas Taiwan dan Nenas Madu, selain buah Markisa dan Jagung.



PARA peserta mendengar penerangan ketika melawat Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan dan semasa mengunjungi Ladang Nenas, yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung Tungku Katok, di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, Mukim Gadong 'A' (atas dan kanan).



KEMATIAN

Kematian adalah penanda mutlak berakhirnya kehidupan. Demikian itulah hakikat tentang kematian. Apabila datang kematian maka semua pintu pun

TERTUTUP :

pintu rezki tertutup
pintu keseronokan tertutup
pintu hiburan tertutup
pintu sendagurai tertutup
pintu berlibur tertutup
pintu bersantai tertutup,
cuma SATU sahaja pintu yang terbuka :

PINTU HISAB

(Pintu Soal-jawab) :
Siapa Tuhanmu?
Siapa Nabimu?
Apa ugamamu?

Kalau mayat itu orang mukmin insya Allah, akan dapatlah dia menjawab, dan jawapan itulah syafa'at baginya.

Syafa'at,

ia juga boleh berupa amal salih ia juga boleh berupa Al-Qur'an sebagai lampu sebagai teman di alam kubur. Ya, Alam Kubur adalah alam sebatang kara alam sempit alam gelap gelita alam ulat alam cacing alam lipan alam kala jengking alam ular, pendeknya alam penuh sengsara. Tetapi walau demikian amal salih dan Al-Qur'an mampu bertindak selaku pelita selaku pembela, mengeluarkan mayat dari derita.

Ini bukan

mahunya siapa-siapa, tetapi ketentuan daripada Allah 'Azza Wajalla bahawa amal salih itu akan tampil menjadi kawan, bahawa Al-Qur'an juga akan tampil menjadi teman tanpa sesiapapun yang dapat menghalangnya.

Inilah namanya ketentuan + kehendak siapa Yang Maha Berkusa.

ADI RUMI,
The Dorchester, London.
19 September 2022



20 BELIA NBD, REPUBLIK KOREA TAMAT PROGRAM PERTUKARAN BELIA

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 September. - Seramai 20 orang belia yang terdiri daripada 10 belia dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan 10 orang belia dari Republik Korea menamatkan Program Pertukaran Belia secara maya setelah menyertai beberapa tajuk perbincangan dan perkongsian idea serta pengalaman selama tiga hari.

Program anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dengan kerjasama Korea Youth Work Agency (KYWA) dan Ministry of Gender Equality and Family berkenaan diadakan pada 15 hingga 16 September, dan berakhir pada hari ini bertempat di Dewan Digadong, KKBS, Jalan Kebangsaan Lama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan ucapan penutup, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim.

Dalam ucapannya, Dayang Umi Kalthum mengongsikan pada tahun ini merupakan kali ketiga ia diadakan secara maya, berikutan perlaksanaan yang sama dua kali sebelumnya.

Beliau seterusnya berharap agar program berkenaan akan dapat diadakan secara fizikal pada tahun hadapan.

Melalui program berkenaan katanya, belia kedua-dua buah negara dapat meningkatkan kesefahaman bersama untuk membimbing kerjasama dalam mengekalkan hubungan dan

perkongsian dalam semua sektor, terutama dalam kalangan belia, di samping persahabatan yang terjalin dan pengetahuan serta pengalaman ke arah menerima dan memahami budaya yang berbeza.

Terdahulu, atur cara majlis dimulakan dengan rakaman video ucapan penutup daripada Executive Director for Youth Policy Planning, KYWA, Mr. Kim Hyon Won, diikuti dengan ucapan penutup daripada Pengarah Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan ucapan wakil peserta dari NBD, Dayang Berlyanna Indah Yordhana binti Jefry dan ucapan wakil peserta dari Republik Korea, Seohyeon Min; tayangan video Brunei Darussalam and Republic of Korea Intergovernmental Youth Exchange Program 2022 (Virtual), serta penerangan ringkas mengenai cenderamata kenang-kenangan daripada kedua-dua buah negara.

Para peserta yang terdiri daripada wakil persatuan-persatuan belia, sekolah menengah, kolej dan institusi pengajian tinggi berkenaan telah dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut peringkat umur dan tajuk perbincangan, iaitu Kumpulan A bagi para peserta yang berumur 16 hingga 18 tahun dengan tajuk 'Sustainable and Livable Planet', sementara Kumpulan B bagi para peserta yang berusia 19 hingga 24 tahun dengan tajuk 'The Importance of Digital Transformation and Improving Digital Transformation Capacity of Youth'.

Melalui sesi perbincangan dan




PESERTA Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam - Republik Korea Secara Maya bergambar ramai bersama Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim dan Pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, pada majlis penutup program berkenaan.

perkongsian berkenaan telah mendapat persamaan antara NBD dan Republik Korea dalam penggunaan teknologi digital, yang kebanyakannya mereka tahu menggunakan platform digital bagi kaedah pembelajaran dan juga perkhidmatan penghantaran.

Program seumpamanya juga dapat memperluaskan perspektif kedua-dua buah negara dengan memperkuatkan semangat kerjasama antarabangsa dan mengadakan perbincangan mengenai isu global terutama sekali berkaitan dengan kehidupan selepas pandemik COVID-19.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly, serta para pegawai JBS.

Penyalaan lampu merah sempena Hari Jantung Sedunia



JAMBATAN-jambatan utama di Negara Brunei Darussalam, iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dinyalakan dengan lampu berwarna merah selama lima jam, bermula dari 7.00 malam hingga 12 tengah malam sempena dengan Hari Jantung Sedunia.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Hari Jantung Sedunia yang diraikan pada setiap 29 September merupakan landasan bermanfaat untuk menyatukan komuniti di seluruh dunia, dalam menangani penyakit tidak berjangkit, khususnya penyakit Kardiovaskular dan mengurangkan beban penyakit global.

Hari Jantung Sedunia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai penyakit Kardiovaskular, tindakan-tindakan utama untuk

mencegah dan mengawal penyakit Kardiovaskular serta impaknya secara global.

Sehubungan itu, jambatan-jambatan utama di Negara Brunei Darussalam, iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dinyalakan dengan lampu berwarna merah selama lima jam, bermula dari 7.00 malam hingga 12 tengah malam sempena dengan Hari Jantung Sedunia.

Sambutan Hari Jantung Sedunia pada tahun ini membawakan tema 'Use Heart for Every Heart' (Gunakan Jantung untuk Setiap

Jantung) dan menekankan tiga mesej utama, pertama, 'Use heart for humanity' (Gunakan jantung untuk kemanusiaan); kedua, 'Use heart for nature' (Gunakan jantung untuk alam semula jadi); dan ketiga, 'Use heart for you' (Gunakan jantung untuk diri sendiri).

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk melakukan senaman secara konsisten, bertafakur atau bermeditasi, mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang, mendapatkan rehat yang cukup serta tidur yang berkualiti untuk mengurangkan tekanan stres dan risiko serangan jantung.

Undi, pilih calon Ketua Kampung RPN Tanah Jambu

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) suka-suka ingin memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu, Mukim Mentiri, bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung RPN Tanah Jambu, Mukim Mentiri akan diadakan pada Ahad, 9 Oktober 2022, bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang, bertempat di Pusat Pembangunan Belia, Mukim Mentiri.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung RPN Tanah Jambu, Mukim Mentiri akan menggunakan dua kaedah ini, iaitu secara *ballot papers* pada 9 Oktober 2022 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 7 hingga 9 Oktober 2022.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung RPN Tanah Jambu, Mukim Mentiri yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM sebelum 9 Oktober 2022, manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 29 September 2022, jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung RPN Tanah Jambu, Mukim Mentiri untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

Pengundian, pemilihan calon Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) suka-suka ingin memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, Mukim Mentiri, bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kawasan 2, RPN Mentiri, Mukim Mentiri akan diadakan pada Ahad, 9 Oktober 2022, bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri, Mukim Mentiri akan menggunakan dua kaedah ini, iaitu secara *ballot papers* pada 9 Oktober 2022 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 7 hingga 9 Oktober 2022.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri, Mukim Mentiri yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM sebelum 9 Oktober 2022, manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK, di mana tarikh tutupnya pada Khamis, 6 Oktober 2022, jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri, Mukim Mentiri untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



سوروهنجای فرخمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelebihan (MKPK) yang berkenaan)

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapkan Maklumat (kursus / perkertasian / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kepelajaran profesional dan lain-lain yang diperlukan) di dalam skim iklan

Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

query@spa.gov.bn

	Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PENGENDALI SISTEM KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/SEP/20	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	08 OKTOBER 2022
2.	PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2022/SEP/24	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	7(A)	08 OKTOBER 2022
3.	PENGERAK JENTERA TURBINE D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2022/SEP/19	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	05	7(A)	08 OKTOBER 2022
4.	PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/SEP/21	PUSAT DA'WAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	7(A)	08 OKTOBER 2022
5.	PEMBANTU PEGAWAI LUAR PENERANGAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2022/SEP/23	JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	08 OKTOBER 2022
6.	PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2022/SEP/16	JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	03	7(A)	08 OKTOBER 2022
7.	PEGAWAI TANAH KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2022/SEP/22	JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(B)	10 OKTOBER 2022

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".

2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga : RTB / K / 115 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga : PENERBITAN PROGRAM REALITI TV, BAHAGIAN RANCANGAN TV, RTB

Bayaran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : Rabu, 5 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang



QUOTATION NOTICE

Quotation No : 09 / 2022 / KKBS / PPB / 18

Quotation Title : KONTRAK ENAM (6) BULAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Not later than 2.00 PM on 6th October 2022, Thursday



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Writing Effective Working Paper (MEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 159 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Strategic Thinking (JEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 160 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Problem Solving And Decision Making (JEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 161 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Leading With Strategic Intelligence (SEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 162 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Strategic Organizational Development And Transformation (MEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :

DA / JKSH / 163 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Writing Effective Working Paper (MEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 164 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Critical Thinking, Problem Solving And Decision Thinking (MEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 165 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Project Portfolio (AEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Corporate Communication (SEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 167 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Public Policy Monitoring And Evaluation (AEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga : DA / JKSH / 168 / 2022 / 2023 [HRD-OKT-2022]

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Pengendalian Signature Programme Kementerian Pendidikan Tahun Kewangan 2022 / 2023 Bagi : Project Portfolio (AEP) Bagi Tempoh : Dua (2) Hari

Yuran Sebut Harga : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga : Sabtu, 15 Oktober 2022, Jam 9.00 Paggi



KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA

Bilangan Tawaran : KHEU / KW / S / 3 PERKHIDMATAN GROCERY STORE KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (01) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran : Isnin,

(Kelas II dan Ke Atas)

Tajuk Tawaran 2 : Roofing surface cleaning works at new Terminal Building, Brunei International Airport AME / 2022-2023 / SH-86 (Kelas II dan Ke Atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran : 28 September 2022 (Rabu)

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran : Rabu 25 Oktober 2022, Tidak lewat jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Tawaran : Rabu, 26 Oktober 2022



Tajuk Tawaran 1 : Term contract for one (1) year Terminal Building Civil works maintenance, Brunei International Airport - FSOR AME / 2022-2023 / SH-85

IKLAN



Bilangan Tawaran :
KK / 253 / 2022 / HTD (TC)

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF HP LASERJET PRO 400 / 401 80X BLACK - CF280X TONER FOR DEPARTMENT OF HEALTHCARE TECHNOLOGY, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS

Bayaran Yuran Tawaran :

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 4 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
13 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



Tarikh Akhir Mengambil Dokumen :
Selasa, 4 Oktober 2022,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
 Isnin, 10 Oktober 2022,
 Jam 8.30 Pagi



Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TEMB / T018 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELENGGARAAN LUAR BAGI PEKAN BANGAR DAN KAWASAN BERDEKATANNYA, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

No. Projek :
JASTRE / TEMB / T018 / 2022

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas : II, III & IV

Kategori :
KPB12 Sahaja

Tarikh Buka Tawaran :
 Isnin,
 19 September 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Pada :
Selasa, 11 Oktober 2022,
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di
Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / LB / TA / 007

PEMBELIAN BODY WORN CAMERA COMPLETE WITH ACCESSORIES, FULLY INTEGRATED SYSTEM WITH SOFTWARE AND SERVER REMOTE INSTALLATION BAGI SKUADRON SEMBOYAN BK TDBB

Bayaran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 1 November 2022,
Jam 2.00 Petang

NOTIS
JUALAN LELONG SECARA TAWARAN TERTUTUP

Bilangan Jualan Lelong :
KKW / ADM / 9 / 4

Tajuk Jualan Lelong :
Jualan Lelong Secara Tawaran Tertutup Bagi Peralatan / Perkakas Bahagian Pelaburan Yang Telah Dibenarkan Untuk Dihapuskan Dari Kira-Kira

Tarikh Dibuka :
26 September 2022

Tarikh Menyaksikan :
29 September 2022
dan
6 Oktober 2022

Jam 9.00 Pagi - 11.00 Pagi

Tarikh Ditutup :
7 Oktober 2022,
Jam 3.00 Petang

Keterangan :
Apple Mac Book

Jumlah : 16 buah

Tempat Menyaksikan :
Guest Lounge 1,
Lobi Kementerian Kewangan dan Ekonomi



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 2

Tajuk Tawaran :
'QUOTATION FOR SUPPLY AND DELIVERY OF TEXT BOOKS FOR COLLECTIONS OF THE LAW LIBRARY, ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,

BANDAR SERI BEGAWAN'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Oktober 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 1

Tajuk Tawaran :
'QUOTATION FOR SUPPLY, DELIVERY AND FIXING HIGH CAPACITY OFFICE PAPER SHREDDER AT ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910, NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 11 Oktober 2022,
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pbe@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 332 / 2011

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

JULIE MASAYU BINTI
HAJI ZAINAL
(BYIC No. 00-266644)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **15 Mac 2012** telah dibatalkan pada **25 Ogos 2022**.

Nama Penghutang :
JULIE MASAYU BINTI
HAJI ZAINAL

Alamat Penghutang :
No. 18, Spg. 46-4-57,
Jalan Lasuk, RPN Lugu,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
3 September 2022

NUUROR-RAHEEBAH BINTI
HAJI ABD WAHAB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 215 / 2013

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

PG MOHAMMAD ZAKI BIN
PG HAJI MUNAP
(ABDB IC No. 255508)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **21 November 2013** telah dibatalkan pada **1 Julai 2021**.

Nama Penghutang :



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
PERTAMA

KES NO. BCY / CP / 83 / 2016

Nama Penghutang - NOR HAFIZAH BINTI HAJI YAHYA (BYIC No. 00-296571) - **Alamat** - No.11, Simpang 50, Kg. Manggis Dua, Jalan Muara BC3515, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 83 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 34.01%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila

PG MOHAMMAD ZAKI BIN
PG HAJI MUNAP

Alamat Penghutang :
No. 18, Jalan Balai Raya,
Kg. Masin BH2723,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
7 September 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI
HAJI MD. MASKUB

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA

BCY / CP / 567 / 2015

NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA

Nama Penghutang - Sudirman bin Ismail [ID No.: 00-270818] **Alamat** - No.1E, Jalan 77, Simpang 10, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas B', BC2515, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 567/2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 16.98%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama Bila Kena dibayar - 6 September 2022. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 September 2022

NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

KES NO. BCY / CP / 179 / 2020

BAIDURI BANK BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

ABDUL AZIZ BIN
HAJI ABU BAKAR
(Kad Pengenalan Brunei :
00-117264 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 Ogos 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
ABDUL AZIZ BIN
HAJI ABU BAKAR

Kena Dibayar - 12 September 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
12 September 2022

NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
KEDUA

KES NO. BCY / CP / 262 / 2009

Nama Penghutang - NORHIZAYAWATI BINTI ZAINI (BYIC No.: 00-266779). **Alamat** - No.1, Simpang 18-69, Perumahan Mata-Mata Katok B, BE1918, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 262 tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 71.70%.

No. 35, Spg. 11,
Jalan Karuak,
RPN Panaga,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
21 Julai 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
3 September 2022

NUUROR-RAHEEBAH BINTI
HAJI ABD WAHAB

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 557 / 2019

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

JUNAIDI BIN HAJI BESAR
(Kad Pengenalan Brunei :
00-277496 - Kuning)

NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 Ogos 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
JUNAIDI BIN HAJI BESAR
No.1, Simpang 396-129,
Kampung Sungai Akar,
Jln. Kebangsaan, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
27 Julai 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar

oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
3 September 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI
PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 184 / 2019

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

MOHAMAD ABU HANAFIAH
BIN HAJI MAT SAID
(BYIC No. 30-210592- Ungu)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Julai 2021**.

Nama dan alamat Bankrap:
MOHAMAD ABU HANAFIAH
BIN HAJI MAT SAID
No. 41E,
Kampung Pulau Baru-Baru
BD4517,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
27 Mei 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 September 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI
HAJI MD. MASKUB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM 2022

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
11 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 02 / 2022

Nama Projek :
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR CALCIUM
CARBONATE KE LOJI
RAWATAN AIR BUKIT BARUN,

Kategori :
PS02 SAHAJA

Tarikh :
12 September 2022

NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN KOMPOSISI
TERAKHIR

KES NO. BCY / CP / 280 / 2010

Nama Penghutang - DK HASLINDA BTE PG HJ SANI

(BYIC No. 00-127580). **Alamat** - No. 9, Spg. 38-22, Jalan Pengasing, Kg. Sengkarai Tutong TA2391, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 280 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir Bila Kena Dibayar - 7 September 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 September 2022

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI
PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Pegawai Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

PMB : BUKA MINDA PESERTA MENYOKONG, MENGHARGAI USAHA KERAJAAN



Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mendukung hasrat kerajaan menaik taraf kehidupan, ekonomi, meningkatkan kesejahteraan dan kewaspadaan serta kebijakan rakyat dan penduduk di negara ini.

Selain itu, program berkenaan juga dihasratkan akan dapat membuka minda peserta agar dapat memahami menyokong dan menghargai pelbagai usaha kerajaan ke arah pembangunan negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Pengurus PMB bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong semasa berucap Majlis Pembukaan PMB bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong.

KETUA Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Pengurus PMB bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong semasa berucap Majlis Pembukaan PMB bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong.

TEMBURONG, Rabu, 28 September. - Selaras dengan visi Jabatan Penerangan, iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dikendalikan di keempat-empat buah daerah secara berterusan oleh jabatan berkenaan, dengan menumpukan perhatian kepada institusi mukim dan kampung, persatuan dan dalam kalangan belia.

Pengisian program berkenaan bertujuan untuk memberikan maklumat terkini dalam pelbagai aspek dan bidang ke arah usaha



TAKLIMAT mengenai pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor swasta disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II dari JobCentre Brunei, Manpower Planning and Employment Council, Dayang Nur Syahidatul Nadzirah binti Awang Yahya.

kampung masing-masing, bagi menjana pertumbuhan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara keseluruhannya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah, Jabatan Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Majlis Pembukaan PMB Bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Bilal Masjid Batu Apoi, Daerah Temburong, Awang Mohd. Saiful Bahrin bin Haji Yunos.

PMB yang diadakan selama dua hari bermula hari ini, disertai oleh seramai 23 peserta, yang terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Pertiwi Daerah Temburong yang diketuai oleh Ketua Persatuan berkenaan, Dayang Hajah Halimah binti Haji Abu Salam.

Beberapa sesi taklimat telah diaturkan yang meliputi taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk kepada raja dan negara, konsep makanan halal dalam Islam, peranan dan tanggungjawab Job Centre Brunei, penternakan udang atau ikan dalam kolam, serta beberapa sesi lawatan ke Galeri Lentera Makmur Jabatan Penerangan, Syarikat Seri Paring dan Ladang Nanas, Majlis Perundingan Kampung Tungku, Katok.

Pelaksanaan PMB diharapkan akan disambut dengan baik dan dimanfaatkan sepenuhnya serta dijadikan sebagai langkah bagi mewujudkan para peserta bermaklumat dan berilmu agar dapat sama-sama mananai hasrat kerajaan dalam mendukung



HADIR selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat, Pemangku Pengarah, Jabatan Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

perlaksanaan Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah menjadi rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; seterusnya memiliki kehidupan yang berkualiti tinggi dan mencapai ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Di samping itu, program

berkenaan juga diharapkan akan menjadi landasan yang unggul dalam mempertingkatkan hubungan yang erat dan mesra antara ahli-ahli Persatuan Pertiwi dengan Jabatan Penerangan dalam usaha menjadikan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan bermaklumat.



TAKLIMAT mengenai 'Konsep Makanan Halal Dalam Islam' disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Hazimah binti Haji Aji.

■ **PROGRAM** bertujuan untuk memberikan maklumat terkini dalam pelbagai aspek dan bidang ke arah usaha mendukung hasrat kerajaan menaik taraf kehidupan, ekonomi, meningkatkan kesejahteraan dan kewaspadaan serta kebijakan rakyat dan penduduk di negara ini.

■ **MEMBUKA** minda peserta agar dapat memahami menyokong dan menghargai pelbagai usaha kerajaan ke arah pembangunan negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

■ **JABATAN** Penerangan berhasrat untuk menekankan lagi peranan dan tanggungjawab masyarakat kepada raja dan pembangunan negara melalui pengisian program dalam bentuk taklimat, dialog dan lawatan ke tempat-tempat yang berpotensi membuka minda, menyuntik semangat peserta sekali gus memberikan motivasi, memberikan idea serta inspirasi kepada para peserta PMB hari ini, ke arah melaksanakan pelbagai aktiviti keusahawanan, pertanian, perikanan dan sebagainya di kampung masing-masing, bagi menjana pertumbuhan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara keseluruhannya.



DISINI BERMULANYA IMPIAN ANDA

BUSINESS | RETAILERS | INFORMATION TECHNOLOGY |
ENTERPRISE & ENTREPRENEURSHIP | CREATIVE MEDIA

[DAFTAR SEKARANG](#)

Dengan serendah 2 'O' Level Passes

+673 8721244 | +673 2651244/5/6 | Jaya Setia Square, Brunei Darussalam | [cosmopolitancollege.bn](#)



PMB : KETENGAHKAN PESERTA PELBAGAI ILMU PENGETAHUAN, PERKEMBANGAN USAHA KERAJAAN



PEGAWAI Perikanan, Dayang Khairul Hamizah binti Haji Jaludin dan Penolong Pegawai Perikanan, Dayang Abidah binti Haji Mohd. Yusof ketika menyampaikan taklimat.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Rabu, 28 September. - Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mempunyai tanggungjawab kepada negara dan pemerintah, iaitu dengan menanamkan sikap taat setia kepada raja atau sultan; menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang negara; dan mendaulatkan Sistem Pemerintahan Beraja, mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu dan agama Islam.

Di samping itu, mereka juga perlu

mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja; mendukung Wawasan Brunei 2035; dan mewujudkan perasaan setia dan cinta kepada negara.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan dalam taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk' semasa Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Persatuan Pertiwi Daerah Temburong bertempat di Balai Raya Kampung Menengah, di sini.

Turut dikongsikan semasa taklimat berkenaan ialah penerangan mengenai raja kita, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tanggungjawab negara kepada rakyat, tanggungjawab masyarakat dan tanggungjawab kepada keluarga.

Selain itu, penerangan mengenai tatacara pengibaran bendera dan bila bendera dikibarkan juga dikongsikan.

Mengibarkan bendera merupakan salah satu cara untuk memperlihatkan taat setia rakyat dan penduduk kepada negara dan pemerintah.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Akidahamalina binti Haji Awang Md. Ya'akub; dan Pemangku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Abdul Hanif bin Haji Abdul Rahim.

Peserta PMB seterusnya mendengar taklimat mengenai 'Konsep Makanan Halal Dalam Islam', yang disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Hazimah binti Haji Aji.

Antara isi taklimat yang disampaikan ialah mengenai peranan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH), dengan BKMH selaku Urus Setia / Sekretariat kepada MUIB dalam perkara berkaitan dengan halal.

Turut dikongsikan, tugas dan

tanggungjawab BKMH secara ringkas, iaitu menjalankan proses pengiktirafan di bawah Bidang Kuasa Akta Daging Halal, Penggal 183 seperti proses Pengiktirafan Halal MUIB, proses Permit Import Daging Halal dan Logo Halal; dan proses mendapatkan Lesen Pembekal; juga Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, iaitu proses mendapatkan Sijil Halal, restoran, food court juga proses mendapatkan permit halal, produk makanan dan bukan makanan.

Turut disentuh ialah berkenaan Akta Daging Halal, Penggal 183 - Operasi / Pemeriksaan seperti Permit Perniagaan Penyediaan Makanan.

Acara pada sebelah petang pula diisikan dengan taklimat mengenai pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor swasta yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II dari JobCentre Brunei, Manpower Planning and Employment Council, Dayang Nur Syahidatul Nadzirah binti Awang Yahya.

Antara yang dikongsikan adalah cara-cara memulakan pendaftaran di laman sesawang JobCentre Brunei dan pelbagai bidang pekerjaan yang bersesuaian ditawarkan di dalam laman sesawang.

Para majikan yang mencari pekerja yang sesuai juga boleh memuat naik permohonan dari laman sesawang berkenaan agar boleh diakses oleh para pencari

kerja di luar sana khususnya bagi para belia yang sedang giat mencari pekerjaan.

Taklimat dari Jabatan Perikanan pula antara lain menyentuh mengenai penternakan ikan dalam sangkar, cara-cara penjagaan ikan dan ancaman yang boleh membahayakan kehidupan ikan di dalam sangkar.

Cara penjagaan ikan Tilapia merupakan salah satu tajuk yang difokuskan di dalam taklimat berkenaan agar para peserta tahu cara penjagaan ikan di dalam sangkar dan apa ancaman yang boleh membahayakan kehidupan ikan di dalam sangkar.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Perikanan, Dayang Khairul Hamizah binti Haji Jaludin; dan Penolong Pegawai Perikanan, Dayang Abidah binti Haji Mohd. Yusof.

Program yang berlangsung selama dua hari berkenaan disertai oleh 23 peserta persatuan berkenaan yang terdiri daripada para penduduk kampung yang sudah bersara daripada perkhidmatan dan sedang mengusahakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Antara tujuan PMB ialah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta pelbagai usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat, seperti melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan.

سورو هنجاي ڦر خدمتن عوام



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

“PENGAKUAN PEMOHON” DI PORTAL PSCR 2.0

Tandakan pengakuan pemohon bagi perakuan kesahihan butiran maklumat peribadi untuk melengkapkan 100% profil PSCR 2.0

Pengakuan Pemohon



Saya mengaku bahawa semua butir-butir keterangan yang diberikan di dalam permohonan jawatan ini dan di dalam sistem PSC Recruitment termasuk sijil-sijil yang disertakan semasa temu duga, adalah **benar dan terkini** sejauh mana yang saya ketahui dan percaya; dan **saya tidak dengan sengaja menyembunyikan sebarang maklumat**.



Saya memahami bahawa jika sekiranya pada bila-bila masa, saya didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan; ini akan menjadikan pertimbangan permohonan saya kerana ianya adalah satu kesalahan di bawah Bab 5 dari Bahagian III Kesalahan-Kesalahan, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) dan saya boleh dikenakan **DENDA SEBANYAK \$10,000 DAN PENJARA SELAMA 2 TAHUN**.



Saya juga memahami bahawa, jika sekiranya pada bila-bila masa selepas saya diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah saya yang dibuat seperti yang diperlukan di bawah Peraturan 13 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) adalah **tidak benar** saya akan **dikenakan tindakan tatatertib dan boleh ditamatkan perkhidmatan dengan serta-merta** kerana ianya adalah bertentangan dengan Peraturan 14 dari Peraturan-Peraturan yang sama.

PEMENANG PERADUAN LUKISAN KELUARGA TERIMA HADIAH



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

dan Sukan (KKBS), untuk menyemarakkan kesedaran dan kepentingan kasih sayang dalam membangun sebuah keluarga yang gembira dan harmoni.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan sijil penyertaan dan hadiah berupa wang tunai ialah Pengetua Maktab SOAS, Mohamed Santra bin Haji Bolhasan.

Seramai 21 penuntut menerima hadiah Kategori Cemerlang manakala 11 penuntut menerima hadiah Kategori Baik dan tiga penuntut menerima hadiah suguhan penyertaan.

Terdahulu, Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan rasa bersyukur atas sambutan yang menggalakkan daripada penuntut-penuntut Maktab SOAS dan institusi-institusi pendidikan yang lain dalam menyertai peraduan tersebut.

"Cara utama Persatuan BASMIDA menjalankan kegiatan Pendidikan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah atau PDE ialah melalui pendekatan Islam dan

pada kali ini dalam bentuk Peraduan Lukisan Keluarga yang bertujuan antara lain untuk meningkatkan kefahaman akan kepentingan membina keluarga yang *sakinah, mawaddah warahmah*," jelasnya.

Hasil daripada peraduan tersebut, tambahnya, telah dapat mengembangkan dan mengasuh kreativiti para penuntut dan murid melalui ekspresi artistik dalam menghasilkan lukisan yang menggambarkan hubungan erat dan kebahagiaan keluarga pada pandangan mereka.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang telah menyerahkan 150 naskah buku 'Panduan Untuk Ibu Bapa, Cegah Anak Biskita Dari Penyalahgunaan Dadah' yang diagihkan pada majlis tersebut.

Peraduan tersebut merupakan lanjutan kegiatan Persatuan BASMIDA dari Forum BASMIDA bertajuk 'Keluarga Sakinah Mewujudkan Masyarakat Bahagia' dengan tema 'Keluarga Bahagia Tanpa Penyalahgunaan Dadah' sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2018.

YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali semasa memberikan ucapan alu-aluan dan ucapan penghargaan atas penyertaan penuntut-penuntut yang menyertai Peraduan Lukisan Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2022.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Seramai 35 penuntut Maktab Sultan Omar 'Ali

PENGETUA Maktab SOAS, Mohamed Santra bin Haji Bolhasan menyampaikan sijil dan hadiah kepada salah seorang penuntut yang mendapat Kategori Cemerlang dalam Peraduan Lukisan Keluarga sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2022 anjuran Persatuan BASMIDA.

Saifuddien (SOAS) yang menyertai 'Peraduan Lukisan Keluarga' anjuran Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) menerima hadiah masing-masing dalam sebuah majlis yang berlangsung di Lecture Theatre maktab berkenaan, di sini.

Peraduan bertemakan 'KELUARGAKU' tersebut merupakan aktiviti bagi menyokong Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2022 dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Kementerian Kebudayaan, Belia

Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam adakan Kelas Bahasa Isyarat Level 1

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Di dunia ini tidak ada insan yang hidup dengan sempurna, dan setiap insan itu mempunyai keistimewaan tersendiri dan ada juga insan yang mempunyai kekurangan.

Itulah lumrah kehidupan di dunia ini yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'alaa agar kita yang sempurna ini sentiasa bersyukur atas nikmat yang diberikannya.

Sehubungan itu, Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) Kebangsaan Brunei Darussalam telah mengadakan International Day Of Sign Language by United Nation (UN) bagi meraikan Sambutan 'Deaf Awareness Week' pada 23 September hingga 30 September setiap tahun sebagai dokongan Sambutan International Deaf Awareness Week, iaitu sebagai wadah bagi golongan orang kurang upaya (OKU) pendengaran untuk proaktif dalam sama-sama mendekatkan warga OKU pendengaran dengan masyarakat awam khususnya Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam.

Tema pada tahun ini ialah 'Membina Komuniti Inklusif Untuk Semua' (Building Inclusive communities for all) dan ia merupakan inisiatif Persekutuan Orang Pekak Sedunia (WFD) dan pertama kalinya dilancarkan pada tahun 1958 di Rom, Itali untuk memperingati Kongress Dunia pertama WFD diadakan.

Sehubungan dengan itu, Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam telah mengadakan Kelas Bahasa Isyarat Level 1, dengan kerjasama Jari-jari Ku yang terbuka untuk penyertaan orang ramai di Ibu Pejabat Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam, Unit 11, Tingkat 3, Bangunan Flat C2 Simpang 32-5, Kampung Anggerek Desa, Berakas.

Kelas berkenaan diadakan pada 23 September hingga 29 September 2022 bermula jam

4.00 petang hingga 5.45 petang dengan dikenakan bayaran sebanyak BND8 sekali pembelajaran selama dua jam.

Hadir pada majlis pembukaan kelas berkenaan, Yang Dipertua (YDP) Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam, Pengiran Haji Norahalim BPRA Rahman; dan Timbalan YDP Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam, Awang Khairul Anuar bin Haji Jofari bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ketua Biro dan Biro-biro

Turut hadir, Penasihat Persatuan OKP Kebangsaan, Dr. Hajah Norbayah binti Haji Shahminan, yang juga selaku Ketua Tenaga Pembimbing / Pengajar kelas berkenaan.

Menurut Ketua Kampung Sengkarai Tutong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan juga Penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia, dengan mengikuti Kelas Bahasa Isyarat Level 1 adalah satu perkara yang baik untuk mengisi masa lapang dan dapat menimba ilmu yang sangat berguna.

Dengan kita mempelajari dan mengetahui serba sedikit bahasa isyarat berkenaan katanya, memudahkan kita untuk berkomunikasi bersama OKP dan mereka akan berasa mereka dihargai.

Oleh itu, beliau sarankan agar dapat diperluaskan lagi bahasa isyarat ini bagi semua orang, kerana bahasa isyarat ini sangat berguna pada masa akan datang.

Diharapkan Kelas Bahasa Isyarat Level 1 berkenaan akan dapat dilaratkan di keempat-empat buah daerah supaya masyarakat akan dapat mempelajarinya.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 5 Oktober 2022
- 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Tarikh Tutup : 12 Oktober 2022
- 'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'. Tarikh Tutup : 19 Oktober 2022

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

INFO Teknologi



Telefon pintar boleh lipat terkini

Pendahuluan

PADA hujung Ogos lepas Samsung telah pun melancarkan telefon pintar boleh lipat terbaru mereka, iaitu Samsung Galaxy Z Flip 4 dan Samsung Galaxy Z Fold 4. Bagi mereka yang belum tahu, model telefon pintar Samsung Galaxy Z Flip mempunyai ciri lipatan menegak, manakala model Samsung Galaxy Z Fold pula boleh dilipat seperti buku.

Ciri-ciri Samsung Galaxy Z Flip 4

Apabila terbentang, rupa telefon pintar Samsung Galaxy Z Flip 4 kurang lebih akan sama seperti telefon pintar saiz biasa. Apa yang menjadi tarikan, adalah apabila ia tidak digunakan, si pengguna boleh melipat telefon pintar tersebut dan membuatkan saiznya padat dan kecil. Ciri ini, menjadikan Samsung Galaxy Z Flip 4 telefon pintar yang sesuai bagi mereka yang gemar kepada telefon pintar yang mempunyai reka bentuk padat. Ia juga amat sesuai untuk pengguna yang mementingkan gaya kerana model terkini Samsung Galaxy Flip mempunyai lebih banyak pilihan warna. Selain gaya, Samsung Galaxy Z Flip 4 juga menawarkan ciri tahan lasak kerana ia kalis air.

Panel paparan sebelah dalam Samsung Galaxy Z Flip 4 menggunakan teknologi paparan Dynamic AMOLED 2X Full HD+. Ukuran panel paparan pada sebelah dalam adalah 6.7 inci. Resolusi paparan adalah 451 ppi dan kadar penyegaran (refresh

rate) boleh mencapai 120Hz. Resolusi dan kadar penyegaran yang ditawarkan menjadikan kualiti visual Samsung Galaxy Z Flip 4 sangat menarik dan kesan lipatan apabila telefon dalam keadaan terbentang tidak begitu ketara dan tidak mengganggu apabila si pengguna sedang melihat skrin telefon.

Telefon pintar Samsung Galaxy Z Flip 4 mempunyai dua kamera utama dan satu kamera swafoto (*selfie*). Kamera utama pertama boleh menggambarkan pada 12MP dan kamera utama kedua pula adalah kamera ultra lebar yang juga boleh menggambarkan pada 12MP. Manakala kamera swafoto boleh menggambarkan pada 10MP. Penambahbaikan utama dari segi kebolehan menggambarkan Samsung Galaxy Z Flip 4 sebenarnya terletak pada prestasi kamera utama telefon pintar ini dalam keadaan cahaya malap. Ciri 'Nightography' pada kamera belakang telefon membolehkan butir-butir subjek penggambaran lebih didekahkan walaupun dalam gelap dengan piksel lebih besar. Ciri 'Nightography' juga boleh membantu dalam rakaman video. Rakaman akan kekal lancar dan jelas.

Satu lagi ciri menarik kamera Samsung Galaxy Z Flip 4 adalah kamera swafotonya. Tanpa perlu membuka telefon ataupun membiarkan telefon dalam keadaan terlipat, pengguna masih boleh mengambil swafoto dengan kamera belakang dengan menggunakan *cover screen* atau skrin penutup sebagai viewfinder.

■ Rencana dan Foto : Nurhamiza Awang Haji Roslan

Ciri-ciri Samsung Galaxy Z Fold 4

Telefon pintar Samsung Galaxy Z Fold 4 mempunyai dua skrin paparan, iaitu skrin hadapan yang digunakan apabila telefon dalam keadaan terlipat dan kemudian skrin dalaman lebih lebar apabila telefon dalam keadaan terbuka. Ukuran skrin hadapan adalah 6.2 inci, manakala skrin dalaman yang digunakan apabila telefon dalam keadaan terbuka adalah 7.6 inci. Panel paparan sebelah dalam Samsung Galaxy Z Fold 4 menggunakan teknologi paparan QXGA+ Dynamic AMOLED 2X. Resolusi paparan adalah 374 ppi dan kadar penyegaran (refresh rate) boleh mencapai 120Hz. Walaupun perbezaan spesifikasi skrin paparan tidak begitu besar, pengguna mungkin akan merasa lebih seronok menggunakan Samsung Galaxy Z Fold 4 untuk melihat video atau bermain game kerana skrin yang lebih besar.

Ukuran skrin lebih besar bukanlah ciri sorotan utama tetapi software yang ada pada Samsung Galaxy Z Fold 4 yang telah melalui penambahbaikan. Penambahbaikan software memudahkan pengguna untuk melakukan *multitasking*. Pengguna boleh sahaja menjalankan sebanyak tiga aplikasi pada skrin paparan sekali gus.

Untuk kamera pula, Samsung Galaxy Z Fold 4 mempunyai lima kamera. Tiga kamera bahagian belakang, iaitu kamera utama 50MP yang dapat menghasilkan

gambar atau imej menarik dalam rumah (*indoors*), kamera ultra lebar 12MP dan seterusnya kamera telefoto 10MP dengan berkebolehan zum optik tiga kali ganda. Pada bahagian depan telefon apabila telefon dalam keadaan terlipat, pengguna akan mendapati kamera swafoto 10MP. Kamera yang kelima berada di dalam dan akan terlihat apabila telefon dalam keadaan terbuka. Kamera pada bahagian dalam boleh mengambil gambar pada 4MP. Peranti juga mempunyai ciri 'Nightography' untuk mengambil gambar atau video dalam keadaan cahaya malap.

Perbandingan

Kedua-dua peranti dikuasakan menggunakan pemproses Snapdragon 8 Gen 1 Plus. Kesamaan yang lain adalah, kedua-dua peranti juga mempunyai kadar penyegaran 120Hz, ketahanan dari segi kalis air, teknologi 'Nightography' untuk penghasilan imej lebih berkualiti dalam keadaan cahaya malap. Perbezaan paling ketara adalah pada rekabentuk dan saiz skrin paparan di mana telefon pintar Samsung Galaxy Z Fold 4 mempunyai skrin lebih besar apabila dalam keadaan terbentang. Samsung Galaxy Z Fold 4 juga menawarkan penyimpanan (storage) lebih tinggi sehingga 1TB. Harga kedua-dua telefon juga berbeza. Samsung Galaxy Z Flip 4 adalah lebih murah Galaxy Z Fold 4.



KUPU SB : Melahirkan tenaga pengajar agama berkemahiran

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

HARI ini kita bakal menyaksikan seramai 243 lagi graduan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) akan menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12 menunjukkan bertambahnya bakal tenaga pengajar agama di negara ini. Penambahan ini sememangnya sesuatu yang diharapkan agar negara tidak ketandusnya guru agama yang benar-benar bertauliahan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas hari ini menunjukkan keprihatinan baginda terhadap perkembangan KUPU SB yang setentunya merupakan hakikat kasih sayang dan prihatin baginda kepada sekalian rakyat yang sudah pasti akan menjadi kenangan indah dan abadi dalam sanubari para graduan dan keluarga, begitu juga kepada warga KUPU SB.

Dengan adanya 105 orang pelajar baharu KUPU SB pada bulan Julai yang lalu, menunjukkan kredibiliti berterusan institusi ini dalam melahirkan guru-guru agama berkemahiran demi memelihara kedudukan agama Islam dalam kalangan rakyat.

Tahun ini, konvokesyen tersebut bakal menyaksikan para graduan bakal menerima Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Sarjana Perguruan

Ugama dan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah.

Selain itu terdapat juga para graduan bakal menerima ijazah di peringkat Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) serta Diploma Pengajian dalam pelbagai bidang.

Pada majlis ini, adalah diingatkan para jemputan yang hadir termasuk ibu bapa dan bakal graduan untuk mematuhi Standard of Procedure (SOP), iaitu untuk membuat Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu dan mendaftarkan keputusan ART berkenaan ke dalam aplikasi BruHealth.

Selain itu, jika ada mana-mana jemputan termasuk para graduan dan semua yang terlibat merasa kurang sihat pada hari berlangsungnya Majlis Konvokesyen, adalah untuk tidak hadir ke majlis berkenaan.

Sentiasa terbuka

KUPU SB sentiasa membuka ruang seluas-luasnya dalam memberikan bantuan akademik dan kebajikan kepada semua lapisan masyarakat, kementerian, sektor awam dan swasta serta prihatin dengan pembangunan belia dan warga emas.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah Majlis Ihya Ramadhan, Penutup Tadarus yang diteruskan dengan Penyampaian Derma Barakah Ramadan kepada anak-anak yatim dan orang-orang yang kurang berkemampuan

Selain itu komitmen KUPU SB ini dapat dilihat melalui dengan termetearinya beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai pihak seperti Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa

(Kolej IGS); Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA); Persatuan Pengurusan Isu Berkaitan Autisme dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber (SMARTER); Universitas Islam Sumatera Utara (UISU), Indonesia; dan Faculty of Teacher Training and Education, Mulawarnan University, Samarinda, Indonesia.

Malah bersemepena dengan konvokesyen kali ini, beberapa MoU akan turut ditandatangani bagi meningkatkan lagi keupayaan institusi tersebut dalam melahirkan lepasan-lepasannya.

"Dari sudut antarabangsa pula, beta mengambil maklum bahawa KUPU SB adalah semakin menyerlah di kalangan universiti-universiti mahu pun individu yang berminat dalam bidang pendidikan. Beberapa seminar antarabangsa secara maya dan kesepakatan membuat kajian bersama di antara KUPU SB dengan universiti luar negara telah pun pernah diadakan. Sementara pada tahun ini, KUPU SB terus melangkah ke hadapan menawarkan biasiswa "Brunei Darussalam Government Scholarship for Foreign Students" kepada calon-calon yang berkelayakan di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Apabila ini diteroka, bererti KUPU SB telah mengembangkan sayapnya sehingga ke arena antarabangsa". Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12 yang lalu.

Sepanjang negara dalam keadaan Pandemik dan Endemik, KUPU SB berusaha sedaya upaya menjalankan fungsinya dalam meningkatkan pendidikan pelajar, pembangunan masyarakat dan intelektual peringkat antarabangsa, sama ada secara maya atau fizikal dan secara hibrid.

Misalnya pada 6 Jun 2022, pendakwah terkenal dari Indonesia, Pengasuh Pesantren Tahfizh Al-Quran Az-Zahra Riau, Indonesia, Yang Berbahagia Ustaz Dr. H. Abdul Somad Batubara telah dijemput bagi menyampaikan Ceramah Khas secara virtual bersempena dengan acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2022 (Brunei MYCE 2022) dengan tema, 'Pengamalan Vaksin Ketuhanan dan S.O.P Ugama Manifestasi Negara Zikir'.

Selain itu Bengkel Pengenalan Awal Pengajaran Bahasa Arab (PAPBA) bagi memenuhi Keperluan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah ugama telah diungkayahkan Rabu, 21 September yang lalu.

Setakat ini KUPU SB merupakan keahlian kepada Consortium of Asia-Pacific Education Universities (CAPEU), Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) dan Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN).

Keperluan guru agama di negara ini sememangnya tidak ada noktahnya kerana ia perlu bagi memastikan kekalnya keamanan, ketenteraman, keharmonian dan keselamatan agar terus dinikmati oleh generasi akan datang, perlunya inisiatif dilaksanakan dalam mengajak masyarakat mengutamakan dan mengikut ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari serta ia merupakan langkah wajar bagi mengekalkan segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam.

Sama-sama kita mendoakan agar KUPU SB akan terus mengorak langkah dengan lebih jauh lagi demi mengekalkan kehidupan beragama di negara ini.



PASTIKAN PEKERJA DIDAFTARKAN SKIM TAP, SCP



LAWATAN Operasi Sepadu ke premis-premis perniagaan adalah bagi memastikan majikan menjalankan tanggungjawab bagi pendaftaran serta pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke dalam Skim TAP dan Skim SCP.

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 September. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan kerjasama beberapa agensi dari jabatan kerajaan mengadakan Lawatan Operasi Sepadu ke premis-premis perniagaan, di sekitar kawasan Perindustrian Anggerek Desa, pada 15 September 2022 lalu.

Antara objektif lawatan adalah bagi memastikan majikan menjalankan tanggungjawab bagi pendaftaran serta pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke dalam Skim TAP dan Skim SCP selaras dengan Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan (SCP), 2009.

Lawatan Operasi Sepadu itu juga turut melibatkan pelbagai agensi dari Jabatan Bandaran, Jabatan Buruh, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Unit Sukatan dan Timbangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hasil daripada lawatan tersebut, Pegawai-pegawai Pemeriksa TAP mendapati dari sebanyak 51 premis majikan diperiksa dan didapati seramai 12 pekerja tempatan masih belum didaftarkan di bawah Skim TAP dan Skim SCP.

Manakala, majikan yang gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa lawatan

telah pun diarahkan untuk membuat perjumpaan ke Pejabat TAP bagi tindakan selanjutnya dan memastikan pekerja-pekerja tersebut didaftar serta dicarumkan.

TAP dengan ini ingin mengingatkan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak ke Skim TAP dan Skim SCP.

Pekerja tetap, pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari dan pekerja di dalam tempoh percubaan, yang terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan serta dicarumkan ke Skim TAP dan Skim SCP.

Di bawah Bab 26, Akta Amanah Pekerja, jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih BND10,000 bagi kesalahan kedua serta seterusnya.

Pekerja yang ingin membuat sebarang aduan mengenai caruman yang tidak dibayar atau belum didaftarkan, bolehlah mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382929 semasa waktu bekerja.

Bagi ahli yang telah berdaftar ke perkhidmatan online TAP, e-Amanah, aduan bolehlah dibuat dengan log masuk ke akaun ahli melalui laman sesawang TAP, di www.tap.com.bn.

Laungan Dikir peringati Maulud Nabi



PERSATUAN Biro Wanita Al-Mudarisah menghadiri Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Rumah Kediaman Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Kampung Sungai Buloh.

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

MUKIM MENTIRI, Selasa, 27 September. - Seramai 32 Muslimah dari Persatuan Biro Wanita Al-Mudarisah menghadiri Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Rumah Kediaman Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Kampung Sungai Buloh, di sini.

Hadir, Yang Di-Pertua Persatuan Biro Wanita Al-Mudarisah, Dayang Roswati binti Haji Awang Damit.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyah, dikepalai oleh Tenaga Pengajar dan Pembimbing, Persatuan Biro Wanita Al-Mudarisah, Dayang Hajah Ismawati binti Haji Sulaiman.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Dikir Assalamualaika, Bishahrin, Alham dan Ashrakal.

Bagi mengakhiri majlis, Doa Dikir dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pada tahun lalu.

kemudiannya dibacakan oleh Dayang Hajah Ismawati.

Persatuan Biro Wanita Al-Mudarisah mula ditubuhkan pada tahun 2017 yang kini mempunyai lebih daripada 40 ahli, terdiri daripada warga emas wanita dan beliawanis, mula aktif dalam mengadakan beberapa acara keagamaan, seperti dikir dan menghaluskan serta memperkasakan bacaan Al-Quran, selain turut membuat beberapa program bagi membantu Pesakit-pesakit COVID-19 yang berkuarantin di rumah, pada tahun lalu.



Musang King : 2 Peguam Bela tarik diri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 September. - Peguam Bela, Roy Prabhakaran dan Pengiran Muhammad Khairul Nizam bin Pengiran Haji Mohd Yassin dilaporkan telah menarik diri daripada pasukan peguam bela sindiket keluarga pengedar dadah dalam Operasi Musang King.

Kes yang membabitkan sindiket keluarga pengedar dadah dalam Operasi Musang King berkenaan telah dihadapkan ke mahkamah kelmarin dengan beberapa perkembangan yang baharu.

Hakim Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar telah menetapkan kes berkenaan untuk menjalani siasatan pada Disember.

Sementara itu, Peguam Bela, Daud Ismail masih mewakili defendant, Isamuddin bin Ahmad.

Defendant, Ahmad bin Haji Tamit dan isterinya, Maskunah binti Wahab, bersama anak mereka, Isamuddin, Mohammad Saifuddin dan Siti Izzatul Munirah, serta suaminya Jakaria bin Ahad telah didakwa atas dua kesalahan di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Bab 27, yang membawa hukuman mati.

Defendant didakwa memiliki seberat 18.9943 kilogram Methylamphetamine untuk tujuan pengedaran.

Dadah berkenaan didakwa ditemui di kawasan belakang sebuah rumah di Jalan Junjongan.

Dakwaan juga menyatakan, mereka memiliki seberat 532.44 gram Methylamphetamine dalam botol dan juga ditemui berhampiran Kawasan yang sama.

Defendant tinggal di rumah dalam kawasan tersebut.

Selain itu defendant, Isamuddin menghadapi satu pertuduhan memiliki seberat 54.1 gram Methylamphetamine di dalam beg plastik hitam di sekitar sebuah rumah di Jalan Junjongan.

Kesalahan berkenaan boleh membawa hukuman penjara antara 20 dan 30 tahun, serta sebatan mandatori sebanyak 15 kali.

Defendant, Siti Izzatul Munirah dan defendant, Jakarta turut didakwa memiliki hasil jenayah yang bertentangan dengan Seksyen 3, Perintah Pemulihan Aset Jenayah 2012, iaitu rumah dianggarkan bernilai BND80,000 hingga lebih BND100,000.

Mereka juga didakwa menyembunyikan pemilikan sebenar kenderaan dengan mendaftarkan kereta berkenaan di bawah nama pihak ketiga.

Defendant, Siti Izzatul Munirah juga menghadapi pertuduhan memiliki lebih 50 barang kemas emas yang didakwa daripada hasil jenayah.

Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suriana binti Haji Radin mengetuai pasukan pendakwaan dalam kes berkenaan.

Cabul kehormatan : Lelaki dipenjara, sebat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 September. - Seorang lelaki berusia 31 tahun dijatuhkan hukuman sembilan tahun penjara dan tiga kali sebatan di Mahkamah Perantaraan atas dua pertuduhan mencabul kehormatan dan merakamkan gambar lucu dua remaja lelaki bawah umur.

Hakim Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar mendapat keterangan Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Atiyyah Azzahra binti POKLSDSLJ Awang Haji Abas berhubung perbicaraan itu telah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Defendant, seorang guru, mencabul kehormatan mangsa pertama dengan melakukan perbuatan seksual terhadapnya semasa mereka berada di dalam tandas di sebuah sekolah, pada September 2019.

Seterusnya pada tahun 2019, defendant merakam gambar lucu mangsa kedua yang melakukan perbuatan seksual sendirian semasa mereka berada di asrama sekolah.

Kedua-dua mangsa berkenaan berusia 14 tahun pada kesalahan dilakukan terhadap mereka. Dalam mitigasi, defendant merayu agar hukumannya diringankan dengan alasan ibunya sakit.

Semasa menjatuhkan hukuman, Pengiran Masni mengecam tindakan defendant melanggar amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa dan pelajar sendiri kepada seorang guru.

Hakim juga menyatakan, bahawa hukuman jangka panjang itu mencerminkan usaha untuk melindungi, bukan sahaja mangsa istimewa dan mudah terdedah kepada bahaya, seperti salah seorang mangsa, tetapi juga para pelajar lain. Defendant diwakili Peguam Bela, Rozaiman bin Abdul Rahman.

2 AHLI MPWBD BAKAL TERIMA ANUGERAH

BERAKAS, Khamis, 29 September. - Dua Ahli Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam (MPWBD) berlepas ke Jakarta, Indonesia bagi menerima anugerah pada Program Awardee, yang dianjurkan oleh ASEAN Women Entrepreneurs Network (AWEN) Indonesia.

Dayang Hajah Sabdiah binti Modin dari Puncak Rezeki Trading Company; dan Dayang Hajah Azimah binti Abdullah dari Ainie Enterprise berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bersama delegasi MPWBD, diketuai oleh Naib Yang

Dipertuanya, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia.

Ketika ditemui, Dayang Hajah Sabdiah melahirkan rasa syukur kerana dicalonkan oleh MPWBD bagi menerima anugerah berkenaan sebagai Pengusaha Cemerlang.

"InsyaAllah, selepas ini saya merancang untuk mengembangkan perniagaan saya keluar negara," kata pengusaha kuih-muih tradisional ini.

Sementara itu, Dayang Hajah Azimah berkata, beliau banyak melibatkan diri dalam pelbagai ekspo dan pameran, sama ada di

dalam maupun luar negara.

"Baru-baru ini, produk saya turut dipamerkan di World Expo, di Brunei Pavilion. Alhamdulillah, ia laris dijual."

"Sebelum ini, saya juga pernah mewakili Brunei bagi menyertai ekspo dan pameran di Gujarat, India; Sabah, Malaysia; dan Nanning, China," jelasnya.

Beliau berharap agar anugerah ini akan lebih memberi semangat kepada para peniaga wanita di negara ini untuk berusaha menambah produk mereka.

"InsyaAllah, saya juga berharap untuk memajukan lagi

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

perniagaan anyaman bakul saya," katanya.

AWEN ialah satu rangkaian peniaga Wanita di ASEAN, yang ditubuhkan bagi memberi peluang kepada peniaga dan pemimpin wanita untuk bertukar ilmu serta pengalaman, dalam mempromosi perniagaan dan inisiatif peniaga wanita dalam ASEAN.

Antara tujuan AWEN adalah bagi

menubuhkan forum serantau, program *business matching* dan perkongsian perniagaan dalam ASEAN.

Program Awardee tersebut mengetengahkan peniaga wanita yang berjaya dalam perniagaan masing-masing.

Program ini merupakan acara tahunan dan Indonesia menjadi tuan rumah pada tahun ini.



The advertisement features the Royal Brunei Police Force logo at the top left. The main text reads "BAYAR DENDA KESALAHAN LALULINTAS DALAM TALIAN (ONLINE PAYMENT)". Below the text is a smartphone displaying a mobile application interface for "QuickPay". The app shows various payment options like "FX Rates", "Send", and "QuickPay". A promotional message at the bottom of the phone screen says "Your wants can wait! Save a little for BIBD Aspirasi". At the bottom right, it says "Powered by BIBD NEX GEN".



DUA Ahli Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam berlepas ke Jakarta, Indonesia bagi menerima anugerah pada Program Awardee, yang dianjurkan oleh ASEAN Women Entrepreneurs Network, Indonesia.

Lahirkan guru berkemahiran, ke arah kecemerlangan pelajar

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BERAKAS, Rabu, 28 September. - Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy, yang juga disebutkan dalam akronim BDLTA, di bawah Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan telah ditubuhkan bermula sejak 2019 dengan penaikkan taraf Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Pendidikan kepada Jabatan Pengurusan Pendidik.

BDLTA merangkumi tiga unit iaitu Unit Kepimpinan, Unit Tenaga Pengajar dan Unit Pakar.

Ketua Unit Tenaga Pengajar, BDLTA, Dr. Roslena binti PDIS DSLJ Haji Johari menjelaskan mengenai BDLTA semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Pameran Sambutan Hari Guru Ke-32 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Tambahnya, pameran ini akan menumpukan penjelasan mengenai Unit Tenaga Pengajar. Sesuai dengan tagline



KETUA Unit Tenaga Pengajar, BDLTA, Dr. Roslena binti PDIS DSLJ Haji Johari.

BDLTA, 'By Teachers, For Teachers, For the Children', akademi ini katanya, dikendalikan oleh tenaga pengajar dan pegawai-pegawai pelajaran yang dilantik sebagai fasilitator.

"Secara umumnya, visi Unit Tenaga Pengajar, BDLTA adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi perkembangan dan pembangunan profesional guru. Manakala misi Unit Tenaga Pengajar adalah untuk menyediakan program-program perkembangan profesional yang berkualiti tinggi dan berterusan untuk melahirkan guru-guru yang berkemahiran ke arah kecemerlangan pelajar.

"Unit Tenaga Pengajar bertanggungjawab untuk menyumbang kepada pembangunan kompetensi guru untuk mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka, memberi peluang kepada penubuhan rangkaian profesional tenaga pengajar berhubung dengan pengajaran dan pelajaran serta mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan rakan usaha sama dalam meningkatkan kualiti pendidikan para tenaga pengajar," ujarnya lagi.

Terdapat lebih kurang 100 program yang ditawarkan di unit berkenaan. Program-program tersebut terdiri daripada Signature

Series, Modular Series, Tool Box Series dan Bespoke Series. Program-program ini dijalankan secara sekemuka, secara maya dan juga *blended*.

Bagi mempertingkatkan tahap profesional perguruan pula, program - program yang dikendalikan menggunakan Brunei Teachers Standards 2.0 sebagai satu panduan kompetensi pengajaran yang sepatutnya dicapai oleh tenaga pengajar dengan memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21.

Bagi menyokong tema Hari Guru pada tahun ini 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan', Unit Tenaga Pengajar telah menawarkan program dan mengendalikan program-program pembangunan profesional guru berbentuk latihan praktikal yang berkaitan dengan kemahiran atau kompetensi penggunaan teknologi



dalam pengajaran dan juga penyediaan bahan pengajaran digital.

Program-program ditawarkan boleh dianggap sebagai kaedah untuk melahirkan generasi tenaga pengajar yang kreatif dan inovatif.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan / Guru Besar, Awang Haji Md. Suazmie bin Haji Zulkifli pula menjelaskan semasa ditemu bual mengenai pameran dari institusi Jabatan Sekolah-Sekolah,

Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menungkol (SRNARM), Kluster 2 menonjolkan pameran mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah bersama murid secara

'blended learning'.

The Station Rotation Model membolehkan pelajar untuk bergilir melalui stesen pada jadual tetap, di mana sekurang-kurangnya satu stesen adalah stesen pembelajaran dalam talian. Model ini adalah yang paling biasa di sekolah rendah, di mana guru akan membuat giliran bagi murid melalui centers atau stesen.

"Blended learning di SRNARM, satu stesen kumpulan kecil membolehkan guru menilai dengan lebih baik dan memenuhi keperluan pelajar individu.

"Pembelajaran dialog adalah perkara biasa dan berfungsi untuk mengeratkan ikatan di antara pelajar dan guru. Giliran stesen membolehkan guru memperbaikkan pengajaran dengan lebih berkesan, berbanding di dalam bilik darjah tradisional," jelasnya.

VIETNAM INTAI POTENSI BESAR DALAM PASARAN HALAL ASEAN

HANOI, 30 Sept - Keadaan tidak menentu dalam rantaian bekalan dan permintaan pengguna di beberapa pasaran ASEAN, yang diduduki ramai umat Islam, telah mewujudkan peluang baharu kepada pengekspor Vietnam, menurut pemain industri.

Syarikat Beyond World bekerjasama dengan Pusat Promosi Pelaburan dan Perdagangan Ho Chi Minh City (ITPC) bakal menganjurkan lawatan perniagaan Vietnam ke Malaysia bertujuan meneroka pasaran halal dan bertemu secara langsung dengan beberapa pengimpor produk halal, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA) memetik akhbar Nguoi Lao Dong

(The Labourer).

Menurut pengarahnya Kelly Luong, selepas seminar mempromosikan eksport ke pasaran Malaysia yang diadakan di HCM City pada Jun, ramai pengekspor yang berminat menyediakan produk halal ke pasaran ASEAN menghubungi syarikat itu.

Beyond World berjaya menghubungkan beberapa perusahaan pertanian dan pemprosesan makanan Vietnam untuk menjual produk halal ke Malaysia, termasuk jenama besar seperti Bidrico dan TH True Milk.

Menurut duta Vietnam ke Malaysia dan Indonesia, gangguan rantaian bekalan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan

konflik Rusia-Ukraine membuka peluang baharu kepada pengekspor Vietnam.

Sebagai contoh, Malaysia telah menaikkan kuota import beras Vietnam daripada 520,000 tan kepada 700,000 tan setiap tahun, kerana Rusia dan Ukraine telah berhenti mengekspor gandum.

Daripada segi pasaran Indonesia, Timbalan Pengarah ITPC Tran Phu Lu berkata negara itu, dengan populasi 270 juta, merupakan antara pasaran import yang menguntungkan untuk Vietnam.

Perdagangan dua hala menyaksikan peningkatan tahunan sebanyak 40 peratus setiap tahun kepada US\$11.4 bilion.

Perdagangan dalam tujuh bulan pertama 2022 melepas US\$8 bilion, meningkat 23 peratus tahun ke tahun, dengan makanan laut dan kopi menjadi barang dengan eksport yang besar.

Banyak perniagaan telah menganggap Indonesia sebagai pasaran yang lebih mudah berbanding Amerika Syarikat,



Eropah, dan Jepun. Persamaan dalam budaya, jarak geografi yang dekat, dan tarif keutamaan dalam blok itu disifatkan sebagai satu kelebihan kepada barang Vietnam untuk menembusi pasaran ini, kata Lu. - ©BERNAMA

2022 'tahun bencana' pencairan Glasier Swiss

WASHINGTON, 29 Sept. - Kadar pencairan glasier di Switzerland mencatat rekod tertinggi pada 2022, menurut laporan dikeluarkan pada Rabu oleh Rangkaian Pemantauan Glasier Switzerland, yang melabelkannya sebagai tahun bencana.

United Press International (UPI) melaporkan kajian baharu itu menunjukkan kira-kira .71 batu padu ais mencair, menyumbang lebih enam peratus daripada isipadu glasier. Sebelum tahun ini, peratusan kehilangan ais pada tahap dua peratus, sudah pun dianggap melampau.

Pelbagai faktor menyumbang kepada pencairan, termasuk

gelombang panas di Eropah serta salji musim sejuk yang ringan pada 2021-22, menurut GLAMOS, sebuah pertubuhan ditubuhkan Suruhanjaya Kriosfera Akademi Sains Swiss.

Untuk tempoh tertentu setiap tahun, glasier biasanya dilindungi lapisan salji. Namun debu yang bertiup dari Gurun Sahara mungkin menyebabkan salji mengekalkan lebih banyak haba matahari dan seterusnya a cair dengan lebih cepat tahun ini.

Tahap pencairan litupan salji yang cepat bermakna menjelang musim panas, glasier Switzerland terdedah kepada

keadaan cuaca panas dan kering yang luar biasa, lapor UPI.

Stesen pemantauan yang dibuka untuk menyukat salji di seluruh Switzerland melaporkan penurunan salji secara mendadak tahun ini, dan dalam beberapa kes tiada langsung salji. Purata kehilangan ais kira-kira pada kedalaman 10 kaki di seluruh negara.

Banyak glasier yang lebih kecil di Switzerland, juga dilaporkan lenyap.

Rekod pencairan glasier di Switzerland sebelum ini ialah semasa gelombang panas pada 2003. - ©BERNAMA

Bot karam di Bangladesh, korban meningkat 69 orang

DHAKA, 29 Sept. - Kira-kira 69 mayat ditemukan, manakala tiga penumpang masih hilang selepas bot yang padat dengan penumpang terbalik di daerah utara Bangladesh, pada Ahad kata seorang pegawai pada Khamis.

Pegawai Balai Polis Boda Panchagarh, Sujoy Kumar Roy memberitahu Xinhua, bot itu telah dijumpai tetapi usaha mencari mangsa yang hilang masih diteruskan.

Angka kematian akibat insiden bot karam pada Ahad lalu di daerah Panchagarh, meningkat kepada 69 orang pada Rabu, selepas satu lagi mayat ditemukan di sungai Karatoya.

Mangsa yang terkorban terdiri 31 wanita, 21 kanak-kanak dan selebihnya lelaki.

Terdahulu, Superintendant Polis Daerah Panchagarh, SM Sirajul Huda berkata : "bot itu membawa kira-kira 100 penumpang,

kebanyakannya pengikut Hindu, terbalik akibat terlebih muatan dan tenggelam beberapa minit sejurus berlepas dari terminal pada petang Ahad."

Bot itu dalam perjalanan ke sebuah kuil sempena perayaan Mahalaya.

Perkhimat bot masih menjadi medium pengangkutan utama di negara Asia Selatan itu, untuk menyeberangi ratusan sungai. - ©BERNAMA

Perancis mula bina loji nuklear generasi baharu sebelum 2027

ANKARA, 28 Sept. - Perancis akan mula membina reaktor nuklear generasi baharu yang pertama sebelum Mei 2027, lapor Agensi Anadolu.

Kerajaan merancang untuk membina sekurang-kurangnya enam "European Pressurized Reactors" baharu, menggantikan loji semasa yang mencapai jangka hayatnya pada akhir 2030, menurut saluran TV Perancis BFMTV.

Kerajaan Perancis merancang untuk membelanjakan sekitar 51.7 bilion (US\$49.7 bilion), sebagai

sebahagian daripada usaha negara terabit capai matlamatnya daripada segi tindakan bagi iklim.

Perancis terus berusaha menyelesaikan krisis tenaga negara dengan pembinaan loji kuasa berdasarkan tenaga matahari dan angin di luar pesisir, di samping mempercepatkan usaha beralih ke tenaga boleh diperbaharui.

Presiden Perancis Emmanuel Macron sebelum ini berjanji untuk membina lapan loji tenaga nuklear generasi baharu di bawah undang-undang iklim. Media Harian Perancis, Le Figaro melaporkan bahawa reaktor generasi baharu itu dijangka mampu beroperasi sebelum 2035. - ©BERNAMA

Dalam temu bual dengan stesen radio Eropah 1, Menteri Transformasi Ekologi Agnes Pannier-Runacher berkata reaktor itu akan dibangunkan di sekitar reaktor nuklear sedia ada.

Langkah itu membolehkan negara menjimatkan masa yang diperlukan semasa peralihan kepada tenaga lestari, katanya.

Media Harian Perancis, Le Figaro melaporkan bahawa reaktor generasi baharu itu dijangka mampu beroperasi sebelum 2035. - ©BERNAMA

China di kedudukan ke-11 Indeks Inovasi Global

GENEVA, 30 Sept. - China terus menunjukkan prestasi mantap dari segi daya inovasi apabila Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) meletakkan negara ini di kedudukan ke-11 bagi Indeks Inovasi Global (GII) 2022.

Ketua Pengarah WIPO, Daren Tang berkata prestasi cemerlang itu hasil usaha konsisten China dalam bidang harta intelek.

"Jika 10 tahun lalu, China berada di tempat ke-34, kini negara ini antara yang menduduki ranking teratas dalam indeks inovasi.

"Pencapaian itu menggambarkan kesungguhan kerajaan China dalam memantapkan inovasi sebagai enjin pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata kerajaan China amat mementingkan harta intelek, dan mempunyai rancangan strategik yang mampu menyelaraskan kerja penggubalan dasar berkenaan dengan elemen pembangunan lain.

"Pembentukan ekosistem inovasi menerusi pendekatan holistik juga antara resipi kejayaan China," tambah Tang.

Penyunting laporan GII, Sacha Wunsch-Vincent berkata nilai jenama syarikat tradisional dan syarikat baharu di China terus meningkat susulan pertambahan peruntukan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menurut laporan GII 2022 yang disiarkan pada Khamis, Switzerland, Amerika Syarikat (AS), Sweden, United Kingdom (UK) dan Belanda berada di kedudukan lima tempat teratas, manakala entiti ekonomi baharu muncul mengekalkan prestasi kukuh dalam bidang inovasi. - ©BERNAMA

Rusia miliki rizab gas untuk tempoh 62 tahun

MOSCOW, 29 Sept. - Rusia mempunyai rizab gas untuk tempoh 62 tahun, yang secara teknikalnya boleh diekstrak, kata ketua agensi Rosnedra yang menguruskan sumber mineral bawah tanah dalam satu temu bual pada Rabu, lapor Sputnik.

"Kami mempunyai gas asli yang mencukupi, dan secara teknikalnya boleh diekstrak, dan mampu bertahan untuk tempoh 62 tahun," kata Yevgeny Petrov kepada media tempatan Rossiyskaya Gazeta.

Pegawai itu bagaimanapun tidak menyatakan sama ada rizab minyak itu berdaya maju untuk diekstrak pada harga gas semasa.

Setakat Januari 2022, Rosnedra menganggarkan rizab minyak yang boleh diperoleh, mampu bertahan untuk tempoh 39 tahun, manakala rizab minyak boleh dipulihkan semula, yang berdaya maju untuk diekstrak pada harga AS\$70-80 setong, mampu menyumbang kepada Rusia selama 33 tahun. - ©BERNAMA

Raja Saudi lantik Putera Mahkota sebagai Perdana Menteri

RIYADH, 28 Sept. - Raja Arab Saudi Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud pada Selasa melantik Putera Mahkota Mohammed bin Salman sebagai Perdana Menteri baharu, Xinhua memetik laporan Saudi Press Agency (SPA).

Raja Salman turut mengeluarkan dekri agar rombakan kabinet dilakukan, serta melantik Putera Khalid bin Salman sebagai menteri pertahanan.

Ketua menteri yang dikekalkan termasuk Menteri Tenaga, Menteri Luar, Menteri Pelaburan, Menteri Dalam Negeri, dan Menteri Kewangan. - ©BERNAMA



PELANCARAN VISION, MISSION FOR SPORTS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

VISI

Mewujudkan pelajaran sukan berdaulat yang bersaiz dan berkualiti untuk diserapkan ke pasukan kebangsaan.

MISI

Menyediakan program istilah yang berkualiti tinggi dan bersifat impak positif kepada sekolah, perusahaan dan komuniti.

BADMINTON

BOLA SEPAK

KARATE

COACH

Pelancaran visi dan misi sukan bagi karateka untuk memajukan lagi kecekapan mereka dalam karate dan mewakili Brunei dalam semua peringkat pertandingan.

Untuk menambahkan etos mudah bersemangat dan memperbaiki merau untuk menjadi pemain yang hebat pada masa hadir.




PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais ketika mendengar penerangan mengenai visi dan misi setiap sukan pada Majlis Pelancaran Visi dan Misi Sukan-Sukan serta antara sukan yang ada di Sekolah Sukan tersebut (kiri dan kanan).

PULAI, Rabu, 28 September. - Sekolah Sukan mengadakan Majlis Pelancaran Visi dan Misi Sukan-Sukan bertempat di sekolah berkenaan di Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham

bin Haji Jais.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Jurulatih Sukan Badminton, Awang Fadzillah bin Haji Md. Rusdinni.

Seterusnya tetamu kehormat mendengarkan penerangan mengenai pengenalan visi dan misi setiap sukan

(Badminton, Bola Jaring, Bola Sepak, Karate, Olahraga, Pencak Silat, Sepak Takraw dan Strength and Conditioning) oleh pelajar-pelajar.

Objektif pelancaran ini adalah untuk mengongsikan visi dan misi setiap sukan sebagai panduan kepada jurulatih-jurulatih dan pelajar-pelajar untuk mencapai tujuan dan sasaran di dalam setiap sukan

masing-masing.

Selain itu, ia juga berobjektif untuk memahami perancangan strategik dan fungsi utama setiap sukan bagi memastikan perancangan program mencapai sasaran yang ditetapkan oleh setiap sukan dengan strategi yang berkesan. Majlis diakhiri dengan bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

4 pasukan beregu akan sertai Kejohanan Boling Padang Pairs Terbuka Sabah



KELAB Boling Padang Wisdom Negara Brunei Darussalam akan menghantar empat pasukan beregu bagi menyertai Kejohanan Boling Padang Pairs Terbuka Sabah, yang akan berlangsung di Keningau, Sabah, pada 5 hingga 8 Oktober 2022.

Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Boling Padang Wisdom NBD

BERAKAS, Jumaat, 30 September. - Kelab Boling Padang Wisdom Negara Brunei Darussalam (WBC) akan menghantar empat pasukan beregu bagi menyertai Kejohanan Boling Padang Pairs Terbuka Sabah, yang akan berlangsung di Keningau, Sabah, pada 5 hingga 8 Oktober 2022.

Antara tujuan menyertai kejohanan tersebut, sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan prestasi, di samping untuk mengelakkan hubungan baik bersama para peserta, di rantau ini.

WBC merupakan di antara 60 pasukan yang akan bertanding di kejohanan itu nanti, di mana WBC akan menurunkan tiga pemain yang menyertai Sukan Komanwel Birmingham England 2022, baru-baru ini.

Baru-baru ini juga, Presiden WBC, Haji Johari

Awang Achee turun padang menyaksikan latihan dan persiapan terakhir pemain, seterusnya menyampaikan sumbangan kewangan bagi perbelanjaan pasukan WBC di sepanjang kejohanan itu nanti.

Pasukan yang dibimbing Ketua Jurulatih WBC, Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Setia Haji Mohd. Taha, diketuai oleh Timbalan Presiden WBC, Ampuan Hajah Lili Maryani Ampuan Haji Salleh akan berlepas meninggalkan negara pada Isnin, 3 Oktober ini nanti.

Kejohanan kali ini merupakan penyertaan pertama WBC di luar negara sejak kali terakhir, pada 31 Disember 2019, di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.

Keuntungan Piala Dunia Qatar 2022 dijangka cecah US\$17 bilion

DOHA, 30 Sept - Keuntungan daripada Piala Dunia di Qatar dijangka mencecah sekitar US\$17 bilion, kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Piala Dunia FIFA 2022, Nasser Al Khater.

Beliau berkata kos perbelanjaan infrastruktur dan pembinaan Piala Dunia mencecah US\$8 bilion, yang secara relatifnya hampir sama dengan kos penganguran Piala Dunia sebelum ini.

"Ini bermakna kami akan mencapai hasil yang berganda daripada kos, dan Qatar akan memperoleh keuntungan Piala Dunia semasa dan selepas kejohanan," lapor Agensi Berita Qatar (QNA) memeritik Al Khater.

Menurut beliau jumlah pelawat yang besar akan datang ke Qatar untuk menonton perlawanan itu dan meneroka budayanya.

Beliau juga menyebut bahawa jumlah pengikut Piala Dunia dari luar Qatar akan mencecah rekod.

Beliau berkata kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tertinggi Penyampaian dan Warisan menjangkakan antara 3 dan 4 bilion orang di seluruh dunia akan menonton Piala Dunia Qatar 2022.

Al Khater turut menyatakan Qatar sudah bersedia sepenuhnya untuk menerima kedatangan pelancong yang besar dan juga untuk penganguran Piala Dunia yang akan tiba beberapa minggu lagi.

Negara itu menjangkakan akan menyambut hampir satu juta orang, termasuk 12,000 wakil media ke Piala Dunia, lapor QNA. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

TAMAN Arca ASEAN (ASEAN Square) Persiaran Damuan, dibina sekitar 1987. Taman tersebut terletak di kilometer 4, Jalan Tutong, berhampiran Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan. Di kawasan Taman Arca ASEAN ini terdapat enam buah Arca pelbagai bentuk (di bawah projek Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN-COCA) yang dihasilkan oleh enam orang seniman seni khat dan seni ukir dari enam buah negara ASEAN, bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaiannya'. Taman arca ini dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika itu pada Disember 1987.

SUMBER : Kenali Negara Kitani, Tempat-tempat Eksotik, Haji Adanan Haji Abd. Latiff

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JUJUR, AMAH, BIJAKSANA LAILA IKHLAS DALAM MELAKSANAKAN PEKERJAAN